

TINTA PREMIER

PASSIONATE, SYNERGIZE & AGILE

EDISI 1/2020

PSA PUSAT KECEMERLANGAN ATLET (PKAT)

Woodball Politeknik Malaysia



Fokus

- SYABAS PSA, 10 TAHUN POLITEKNIK PREMIER!
- PSA PUSAT KECEMERLANGAN ATLET (PKAT) WOODBALL POLITEKNIK MALAYSIA
- PENUBUHAN PUSAT TEKNOLOGI ROBOTIK DAN INTERNET OF THINGS (IoT) MELONJAKKAN KEGEMILANGAN PSA
- PSA PUPUK KEUSAHAWANAN PELAJAR MELALUI LUNAR MEGA BEST BUY
- TIDY FRIDAY : LESS CLUTTER, LESS STRESS

Great Future @PSA
Go Global @PSA



PSA SERTAI
WOODBALL
PEKAN
CHALLENGE
2020



MENARIK DI DALAM

ISSN 2773-5249



9 772773 524007



AMIRUDDIN
ARIF
HADIAHKAN
EMAS
UNTUK PSA



PENINGKATAN
PROFESSIONALISMA
JABATAN
KEJURUTERAAN
ELEKTRIK

Kata Aluan Koordinator Penerbitan



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

NOTE
Alhamdulillah, berkat usaha yang tidak pernah kenal erti jemu. Maka, penerbitan Tinta Premier telah dihasilkan dengan jayanya. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan menerbitkan buletin yang sungguh bermakna ini. Tinta premier adalah himpunan aktiviti dalaman dan luaran PSA yang dinukilkan sebagai medium sebaran am bagi memberi inspirasi kepada staf untuk terus mencetus kejayaan yang gemilang.

Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam penerbitan ini. Saya menutup kata aluan dengan dua rangkap pantun,

Terima kasih daun keladi,
Semoga kelak bersua kembali.

Semoga kita semua sentiasa berada dalam rahmatnya. Amin

DR. AINUL HAEZAH BINTI NORUZMAN
Koordinator Penerbitan



AHLI MAJLIS TERTINGGI POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

DR. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Pengarah

DR. HJH. NORHAYATI BINTI IBRAHIM
Timbalan Pengarah Akademik

PUAN ZALINA BINTI ISMAIL
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

DR. HASMAWI BIN KHALID
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

PUAN SALHANA BINTI SAHIDIN@SALEHUDIN
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

PUAN HANIZAH BINTI ANAITULLAH
Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik

PUAN HJH. ZARINA BINTI PITDIN
Ketua Jabatan Perdagangan

DR. AHMAD AFTAS BIN AZMAN
**Ketua Jabatan Matematik, Sains
dan Komputer**

ENCIK NASHARUDIN BIN ZAINAL ABIDIN
Ketua Jabatan Pengajian Am

HJ. JASNI BIN MOHD. NOOR
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

MOHAMMAD FAHMY BIN IBRAHIM
Ketua Jabatan Sukan, Ko-kurikulum dan Kebudayaan

PUAN ROHANA BINTI KHALID
Ketua Jabatan Pentadbiran

ABDUL SHARIF BIN ABD KADIR
Ketua Unit Komunikasi Korporat



Tinta Premier
© Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Cetakan Pertama Jun 2020
ISSN 2773-5249

Tinta Premier bertujuan menyebarkan pencapaian semasa PSA dan semua gerak kerja dalam melonjakkan kecemerlangan PSA sebagai Politeknik Premier.

Sekiranya berminat menyediakan artikel boleh menyalurkan artikel tuan/puan ke polpsanas Perpustakaan.



Tinta Premier **Kata Aluan Ketua Editor**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,
Tinta Premier merupakan nama baharu bagi Buletin PSA yang akan diterbitkan dua kali setahun pada tahun ini. Buletin ini dijenamakan semula seperti yang diilhamkan oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail. Penjenamaan semula ini tepat pada masanya, setelah cukup sedekad ia diterbitkan bagi memperlihatkan perbezaan PSA sebagai Politeknik Premier.

Tinta Premier ini adalah rangkuman aktiviti PSA yang meliputi Teknologi, Inovasi, Networking, Information Technology dan Akademik (TINTA). Premier menurut Kamus Dewan bermaksud ulung, utama. Manakala dalam konteks Politeknik Premier pula, PREMIER merujuk sifat-sifat politeknik yang unggul seperti Progressive, Resourceful, Enterprising, Multicultural, Industry-led, Excellence, Research and Innovation Culture. Memiliki sifat/ciri yang unggul dan terbaik amat penting bagi kakitangan kerana kita memikul amanah membangunkan PSA sebagai Politeknik Premier.

Paparan dalam Tinta Premier Edisi 1/2020 ini mengandungi 11 segmen iaitu Fokus, Akademik, Niche Area, Kolaborasi, Seminar dan Bengkel, Pembangunan Institusi dan Staf, Pandemik Covid-19, Galeri, Sukan dan Rekreasi, Berita Kakitangan dan Penerbitan PSA. Kesemua rangkuman aktiviti ini merujuk kepada tujuh Kriteria Kecemerlangan iaitu Governan dan Pengurusan, Akademik, Staf, Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan, Jaringan Kolaborasi Industri, Sumber, dan Pelajar.

Semua kakitangan dialu-alukan untuk menyumbang bahan penulisan bagi memastikan aktiviti dapat dirakamkan di dalamnya. Penerbitan ini tidak hanya merakamkan kejayaan manis sahaja, malah apa sahaja usaha yang membangunkan pemikiran boleh ditulis supaya setiap gerak kerja dalam mengusahakan kecemerlangan PSA dapat didokumentasikan. Penerbitan Tinta Premier ini ibarat penceritaan sebuah rumah, yang akan bercerita dari pelbagai sudut, ruang dan sisi sesebuah rumah.

Sesuai dengan hasrat untuk terus melonjakkan kegemilangan PSA sebagai Politeknik Premier, penerbitan ini juga adalah medium untuk menyebarkan rangkuman pencapaian semasa PSA. Kelangsungan penerbitan ini tentunya akan menambahkan lagi bilangan penerbitan yang dapat diterbitkan oleh Unit Penerbitan PSA.

Akhir sekali, semoga pada edisi akan datang lebih ramai penulis baharu tampil untuk memeriahkan lagi penerbitan Tinta Premier ini dan semoga dapat diterbitkan pada waktu yang ditetapkan. Terus membaca dan salam hormat. Sekian.

NORHAYATI BINTI MAJID



EDITORIAL

PENASIHAT

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Koordinator

Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

Ketua Editor

Norhayati binti Majid

Editor/Penulis

Brian Hee Tze Keon

Annafaedzatul binti Mohamad Amin

Hazruwani binti A. Halim

Jamaliah binti Jaafar

Sa'adah binti Mohd. Hisam

Hjh. Jazlina binti Muhammad

Noor Hayati binti Mat Taib

Suhazni binti Said

Dr. Siti Khalijah binti Jamal

Ustaz Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria

Shariza Azwin binti Yahya

Nor Kharul Aina binti Mat Din

Dr. Aziam binti Mustafa

Muhammad Faiz bin Abdullah

Dr. Elias bin Daud

Hj. Jasni bin Mohd. Noor

Sarizun binti Mohamad Sidek

Arduniwati binti Ahmad

Zetty Rohaiza binti Mohd Sahak @ Ishak

Asmira bin Ashari

Dr. Hasmawi bin Khalid

Dr. Ahmad Aftas bin Azman

Salhana binti Salehudin

Hjh. Julia binti Marjuki

Zainab Hanina binti Abdul Samad

Fotografi

Halmy Effendy bin Rasol

Grafik

Mohd Firdaus bin Sedet

Edaran

Perpustakaan Ibnu Khaldun

Penerbit

Unit Penerbitan PSA



KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah Dari Meja Pengarah	7 8
FOKUS	
-Syabas PSA, 10 Tahun Politeknik Premier!	9
-PSA Pusat Kecemerlangan Atlit (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia	10
-Penubuhan Pusat Teknologi Robotik dan Internet of Things (TRIC) Melonjakkan Kegemilangan PSA	12
-PSA Pupuk Keusahawanan Pelajar Melalui Lunar Mega Best Buy	13
-Tidy Friday : Less Clutter, Less Stress	14
AKADEMIK	
-PSA Raih Diamond Award di Final Year Project & Postgraduate Poster Competition 1/2020	17
-Penyelidik PSA Terima Geran TARGS Untuk Kajian Cerebral Palsy	18
-PSA Menang Besar Dalam NYP2CE'20	19
-Malaysia Technology Expo 2020 : 1 Emas dan 2 Perak Untuk PSA	20
-Bintang PSA Wakili Malaysia : Road to ASEAN Skills Singapore 2020	21
NICHE AREA	
-CMET: Extension of Scope Audit	22
-Lawatan dari Centre of Technology Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin ke Centre for Medical Electronic Technology PSA	23
-Pelajar Techno Huffaz Jadikan Pertandingan Medan Kukuhkan Hafazan	24
-Radibems : Institusi Pertama Tubuh <i>Industry On Campus (IoC)</i> di PSA	25
KOLABORASI	
-PSA-MTIB Bina Rumah IBS	26
-JPG Anjur Festival Seni Warisan Nusantara	27
-Mesyuarat Bersama Penasihat Industri Bagi Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Awam, dan Jabatan Perdagangan	28
SEMINAR DAN BENGKEL	
-Simposium Pengkomersilan Politeknik dan Kolej Komuniti Peringkat Kebangsaan Bagi Zon Tengah (SIPPKO 2020)	32
-PSA Anjur Seminar Calibration Certificate Review & Analysis	33
-Warga JMSK Komited Sertai Bengkel Kecemerlangan Akademik	35
-PSA Membudayakan Pembelajaran Melalui CIDOS	35
-Kursus Teknikal & Kepengadilan Sukan Woodball 2020	36
-Bengkel Pemeraksanaan Majlis Perwakilan Pelajar 2020	36
-Pensyarah JKM Teruja Hadiri Bengkel Penulisan Jurnal	37

PEMBANGUNAN INSTITUSI DAN STAF

- PSA Komited Bangunkan Projek Big Data Melalui Kunjungan ke SMART Selangor Delivery Unit (SSDU) 38
- Peningkatan Professionalisma JKE 39
- Team Building Pengurusan Tertinggi PSA 40
- Lawatan Kerja Meninjau Pelaksanaan PdPDT di USM 40
- Lawatan Kerja ke Penang Skills Development Centre (PSDC) Buka Ruang Kolaborasi Impak Tinggi 41
- Lawatan Rasmi ke Pusat Pengajian Teknologi Industri, USM 42

PANDEMIK COVID 19

- PSA Jadi Pusat IPTA/IPTS Pulang Zon Tengah 43
- Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Mainkan Peranan Penting Semasa PKP 43
- Operasi Sanitasi oleh Bomba Shah Alam 45
- Pemantauan Pengurusan Tertinggi di JKM Untuk Menerima Kemasukan Pelajar Baru 46
- Normal Baru PDP Melalui Kursus Utama Pembelajaran Digital PSA 46
- Perhimpunan Staf Bil 2/2020 Dalam Normal Baru 47
- PSA Sumbang PPE Untuk Barisan Hadapan Negara 50

GALERI

- Demokrasi Terpimpin Melalui Pilihanraya Kampus 51
- JKA Anjur Ceramah Tanah Runtuh 51
- Engineering Science, Computer Exhibition and Innovation 2020 (EMSCEI 2020) 52
- JMSK Anjur Lawatan ke Pusat Sains Negara 53
- Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar Dan Kelab-Kelab Tidak Berkredit 2020 53
- JKA Anjur Ceramah Ukur 54
- Graduan TVET Rebutan Industri 54
- JKA Sertai Pertandingan Struktur Gempa Bumi 55
- PSA Rai Pelajar Cemerlang JKM 56
- Ikon PSA Syairul Islam, Bantu Promosi Great Future at PSA 56
- Perpustakaan Ibnu Khaldun Anjur PSA Membaca 57
- English Enhancement Week (EEW) 2020 58
- JPPF Anjur Safety Week 59
- Ceramah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 60
- Ceramah Bahaya Kosmetik Tidak Berdaftar 60
- JKA Sertai Tanam Pokok di Hutan Paya Kuala Selangor 61
- JKA Buat Lawatan Tapak ke Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT) 62
- Bengkel Pemerksaan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2020 62
- PSA Usaha Tingkatkan Kecemerlangan Pelajar Melalui Kem Smart 2020 63
- S.P.I.E.S : Perkasa Pelajar JKM 64
- Psychology Roadshow 2020 64

SUKAN DAN REKREASI

-PSA Sertai Pekan Woodball Challenge 2020	65
-Selamat Pagi Malaysia : Woodball di TV1	66
-Bowling Pengukuh Ukhuwwah AMP 2020	67
-Utagha Ultimate Frisbee Open 2020	67
-Liga Futsal Politeknik Malaysia 2020 : Selangor Juara	68
-Pasukan Woodball PSA Berentap di Bentong	68
-Atlit Pencak Silat, Amiruddin Arif Hadiahkan Emas Untuk PSA	69
-PSA Sertai Kejohanan Bola Tampar Politeknik Malaysia 2020	69
-PISPA PSA Bersemangat Hadiri Kem Latihan Medan dan Menyelamat	69
-PSA Tuan Rumah Kelapa Run 2020	70

BERITA KAKITANGAN

-Perhimpunan Bulanan Staf Anjuran JPG	71
-Staf Berpencen	72
-Staf Berpindah Keluar	72
-Staf Berpindah Masuk	72
-Staf Naik Pangkat	72

PENERBITAN PSA

-Pelan Tindakan 2020	73
-Buletin CMET@PSA	73
-Diges Akademik PSA Bil 3/2020	74
-Civil Engineering Final Year Project	74

KERATAN AKHBAR

75

SEKALUNG PENGHARGAAN

78



Sekapur Sirih

KETUA PENGARAH

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera,

Syukur Alhamdulillah kerana atas limpah kurniaanNya dan keizinan Allah s.w.t, Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berjaya menerbitkan Tinta Premier Edisi Pertama bagi tahun 2020. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan penerbitan ini. Sesungguhnya usaha ini penting bagi memastikan setiap aktiviti yang dijalankan di PSA dapat didokumentasikan dan menjadi rujukan akan datang. Risalah ini juga merakamkan kejayaan dan tentunya menjadi memori indah sepanjang tempoh tersebut.

Sesungguhnya, apabila COVID-19 melanda dunia dan Malaysia khususnya, seluruh warga PSA terkesan dengan pandemik tersebut. Banyak aktiviti terhenti dan tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Walaubagaimanapun, PSA telah menjalankan banyak aktiviti sebelum Malaysia mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan dan sepanjang tempoh tersebut PSA hanya dibenarkan menjalankan aktiviti norma baharu yang dibenarkan sahaja. Oleh itu, syabas diucapkan atas usaha murni tuan puan demi kemajuan PSA.

Akhir kata, saya mendoakan agar semua staf dan pelajar terus meningkatkan komitmen yang tinggi dalam usaha mendokong aspirasi negara dalam menghadapi situasi Revolusi Industri, IR 4.0 yang semakin berkembang pesat dan mencabar.


Sekian, selamat maju jaya.

TS. DR. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Kementerian Pengajian Tinggi



Perutusan

PENGARAH

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah swt, kerana limpah keizinanNya, Tinta Premier Edisi 1/2020 telah diterbitkan. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan syabas serta tahniah kepada Sidang Redaksi Tinta Premier atas kejayaan ini.

Tinta Premier merupakan salah satu wadah untuk berkongsi maklumat pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh semua jabatan, pusat dan unit seiring dengan Pelan Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan PSA. Justeru, penerbitan ini mencerminkan kesungguhan pihak sidang redaksi buletin dalam mengembleng tenaga dan semangat budaya kerja berpasukan dalam melaporkan dan menulis hal ehwal aktiviti untuk tatapan umum samada diperingkat dalaman atau luar politeknik. Penerbitan buletin ini, antara lainnya juga dapat memberikan inspirasi kepada warga PSA terhadap peranan dan tanggungjawab ke arah menyemarakkan lagi kejayaan PSA sebagai Politeknik Premier di Malaysia.

Seawal dua bulan pertama pada tahun 2020, PSA telah menjalankan pelbagai aktiviti yang meliputi program impak tinggi, kolaborasi dengan pihak industri, penyertaan pertandingan inovasi dan sukan khususnya woodball telah memberikan impak kejayaan yang besar kepada PSA dalam semua acara/program yang disertainya. Pada bulan Mac pula, negara kita telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Sehubungan dengan itu, PSA telah komited untuk memerangi wabak ini dalam mengawal penularan jangkitan Covid-19 dengan menegaskan kepada semua warga PSA untuk mematuhi segala SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Alhamdulillah, #kita jaga kita adalah ungkapan keramat yang digunakan sepanjang berada di PSA agar penularan wabak ini dapat disekat dan sekaligus mewujudkan persekitaran kerja yang selamat.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan Tinta Premier Edisi Pertama 2020 dengan jayanya dan semoga dapat dimanfaatkan oleh semua. InshaAllah.

DR. HJ MOHD ZAHARI BIN ISMAIL

Pengarah

Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



FOKUS

SYABAS PSA, 10 TAHUN PREMIER!

Oleh : Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Tarikh 25 Februari 2010 merupakan hari yang bersejarah bagi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) apabila diisytiharkan sebagai sebuah politeknik yang berstatus Politeknik Premier oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin. Usai pengisytiharan ini, PSA menggalas tanggungjawab yang besar untuk merealisasikan inisiatif Pelan Transformasi Politeknik (2010-2015) bagi memperkukuh dan mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap TVET Politeknik Malaysia.

Politeknik Premier adalah setaraf dengan universiti awam yang meletakkan kriteria pengambilan pelajar adalah dalam kalangan pelajar cemerlang SPM dan juga menawarkan program peringkat ijazah yang memfokuskan kepada bidang tujahan yang memenuhi keperluan industri. Politeknik Premier berperanan untuk menerajui bidang tujahan sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan kerjasama antarabangsa melalui Pusat Teknologi yang akan ditubuhkan.

Berpegang kepada visi untuk menjadi institusi pilihan utama, PSA telah menubuhkan Pusat Teknologi Elektronik Perubatan (Centre for Medical Electronic Technology - CMET). CMET telah berjaya diiktiraf sebagai makmal kalibrasi bio perubatan melalui akreditasi ISO 17025 yang pertama di Asia Tenggara pada tahun 2014. Kini CMET telah berjaya memberikan perkhidmatan kalibrasi kepada lebih 150 industri dan agensi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun 2019 pusat ini telah mencipta sejarah apabila memperoleh beberapa anugerah pertandingan pusat teknologi di peringkat kebangsaan.

PSA terus menampilkan pendekatan baharu untuk melonjakkan keupayaan graduan melalui penawaran program Diploma lanjutan dan ijazah yang melaksanakan pembelajaran berasaskan kerja (Work-Based Learning - WBL) dalam bidang elektronik perubatan dan pengurusan fasiliti. Pendekatan WBL bukan sahaja menarik minat industri besar untuk menjadi rakan strategik dalam melahirkan high-end teknologis tetapi juga telah memenangi Anugerah Pemikiran Reka Bentuk Semula (APRS) Kategori Inovasi Reka Bentuk Kurikulum peringkat kebangsaan pada tahun 2017. Kemenangan ini menjadikan PSA sebagai rujukan kepada pembangunan 2u2i pendidikan tinggi negara. Di samping itu, penawaran program Technohuffaz dengan kerjasama Darul Qur'an, JAKIM pada tahun 2017 adalah salah satu lagi pencapaian terbesar institusi TVET bertaraf Premier ini.


**'A leader is one who
knows the way,
goes the way, and
shows the way.'**

John C. Maxwell

Dalam tempoh 10 tahun, PSA telah menjana pelbagai impak premiership dengan pencapaian prestasi cemerlang 99% KPI, 95% kadar kebolehpasaran graduan, RM1 juta geran penyelidikan dan memenangi anugerah The Best Solution Provider Public Private Research Network (PPRN) peringkat kebangsaan. Momentum transformasi TVET Politeknik dilonjakkan ke persada global dengan kejayaan Politeknik Premier memperoleh pengiktirafan Anugerah Emas Asia Pacific Accreditation Certification & Commission (APACC) pada tahun 2014. Pada tahun 2020 PSA sekali lagi mencipta sejarah apabila telah berjaya menjadi Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.


Demi menyerlahkan lagi kecemerlangannya, PSA telah merencana peluasan skop pusat teknologi, penjenamaan semula unit utama dan mereka bentuk pengurusan proses kerja sebagai strategi wayforward selari dengan arus Revolusi Industri 4.0 dan pembangunan Society 5.0. Dengan kombinasi dua pusat iaitu Pusat Akademik dan Pusat Teknologi Multimedia (Centre of Multimedia Technology) telah diperluas skop kepada Future Industrial Technology & Academic Centre (FITAC). Begitu juga dengan Unit Pembangunan Keusahawanan yang telah diberikan nafas baru dengan penjenamaan semula kepada Pusat Keusahawanan Premier (Premier Entrepreneur Centre - PEC). Dalam pada itu, satu lagi pusat teknologi telah ditubuhkan iaitu Technology of Robotic & Internet of Things Centre (TRIC) yang menawarkan khidmat dan kepakaran melalui aktiviti latihan bagi menyokong Revolusi Industri 4.0. Seterusnya inisiatif membangunkan sistem maklumat bersepadu melalui projek BIGDATA yang akan memudahkan pihak pengurusan melihat secara keseluruhan data-data PSA pastinya akan menaikkan lagi graf kecemerlangan PSA.

Semoga PSA terus cemerlang dengan tagline Great Future@PSA; Passionate, Synergize & Agile. Sepuluh tahun cemerlang dan terus cemerlang sebagai pemacu TVET negara. Bersama kita memeriahkan Sambutan 10 Tahun Politeknik Premier!!!



PSA PUSAT KECEMERLANGAN ATLET (PKAT) WOODBALL POLITEKNIK MALAYSIA

Oleh : Jamaliah binti Jaafar



Majlis perasmian yang disempurnakan oleh DYTMM Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Sejak penghujung tahun 90-an woodball telah diperkenalkan sebagai sukan rekreasi di Malaysia. Ia telah bertapak hampir seusia dengan perkembangan sukan woodball dunia. Woodball mula bertapak di Malaysia pada tahun 1995 yang diperkenalkan oleh En. Thomas Kok yang seterusnya mengambil inisiatif untuk membina tapak woodball pertama di Taman OUG, Kuala Lumpur. Bermula dari detik itu, Persatuan Woodball Malaysia ditubuhkan dan didaftarkan secara sah sebagai sebuah organisasi pada tahun 1999. Woodball yang boleh dimainkan secara individu mahupun berkumpulan, kini semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk Malaysia terutamanya negeri Pahang dan Perlis. Lantaran potensi woodball pada masa hadapan kerana ia dipertandingkan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengambil langkah proaktif dengan melantik Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai Pusat Kecemerlangan Atlet (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia bagi tahun 2020. Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail telah menerima pelantikan tersebut yang disampaikan melalui surat pemakluman dari JPPKK yang bertarikh 14 Januari 2020. Pelantikan ini amat sesuai kerana forte beliau dalam sukan tersebut. Sehubungan dengan itu, PSA menggalas tanggungjawab bagi melonjakkan sukan woodball dengan tangan terbuka. PSA telah mengurus perancangan, pembangunan dan penyelarasan woodball untuk Politeknik Malaysia secara dinamik, menyeluruh dan sistematik.





Pengarah PSA dan Penaung Kelab Woodball Metropolitan, Kuala Lumpur bertukar dokumen kolaborasi strategik dengan Kelab Woodball Metropolitan, Kuala Lumpur dalam mengisi agenda PSA sebagai Pusat Kecemerlangan Atlit (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia.

Dalam usaha memajukan PSA sebagai PKAT woodball, PSA telah menandatangani Kolaborasi Strategik bersama Kelab Woodball Metropolitan, Kuala Lumpur. Majlis ini telah disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada 8 Mac 2020 di majlis perasmian Kejohanan Woodball 4 Penjurong Agensi Pendidikan yang diadakan bersempena Pra Pelancaran Kejohanan Woodball Polycc 2020. Kejohanan ini telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). DYTM Tuanku Raja Muda Perlis telah mencemar duli merasmikan kejohanan ini.



Penganjuran kejohanan tersebut adalah hasil kerjasama empat agensi institusi pendidikan iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPN Perlis) & Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori VIP, Staf, Pelajar dan Gate in One. Tempat pertama telah disandang oleh UniMAP manakala Naib Juara jatuh kepada JPN Perlis. PSA dan PTSS sekadar berpuas hati menduduki tempat ketiga dan keempat. Syabas dan tahniah kepada pasukan UniMAP yang telah menjuarai kejohanan ini.




PENUBUHAN PUSAT TEKNOLOGI ROBOTIK DAN INTERNET OF THINGS (TRIC) MELONJAKKAN KEGEMILANGAN PSA

Oleh : Norhana binti Mohd Salleh

Sejak sedekad yang lalu, PSA berusaha menyerlahkan premiership melalui penubuhan pusat teknologi. Bermula dengan penubuhan CMET pada tahun 2010, pelbagai kejayaan telah diraih saban tahun. Demi mengukuhkan kedudukan PSA sebagai Politeknik Premier, penubuhan TRIC tepat pada masanya bagi menyokong Revolusi Industri 4.0 seterusnya melonjakkan kegemilangan terhadap PSA.


TRIC ditubuhkan atas usaha murni pengurusan PSA untuk merakyatkan ilmu dan maklumat berkaitan teknologi robotik dan Internet of Things (TRIC) kepada warga PSA dan komuniti sekitarnya. TRIC diolah menggunakan Model Penubuhan Pusat Teknologi (COT) rasmi Politeknik Malaysia yang membolehkan ilmu pengetahuan dan teknologi boleh diaplikasi melalui 3 cara iaitu, Khidmat dan Kepakaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Kolaborasi yang aktif. TRIC cenderung kepada pemberian Khidmat dan Kepakaran melalui aktiviti berkaitan latihan kepada agensi luar dengan menawarkan kursus-kursus yang bertemakan Revolusi Industri 4.0 (4IR).

TRIC juga komited dalam membantu menghasilkan graduan berkualiti yang berdaya usahawan, berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing melalui penyaluran maklumat dan pembangunan teknologi robotik dan IoT. Matlamat ini dicapai dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang robotik & IoT berkaitan industri untuk tenaga pengajar melalui latihan dan persijilan professional.



**‘Management is about arranging and telling.
Leadership is about nurturing and enhancing.’**

Tom Petes



TRIC turut merangka inisiatif berbentuk pembangunan kurikulum bagi kokurikulum berkredit Kursus Robotik dan IoT. Menerusi kursus ini, para pelajar diberikan pendedahan melalui latihan dan bengkel yang telah dirancang sepanjang semester bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan ilmu Robotik, IoT dan kecerdasan buatan (artificial intelligence -AI). Ilmu yang dikuasai diuji dengan menyertai pertandingan dari masa ke semasa di samping merakyatkan pengetahuan berkaitan Robotik dan IoT melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) ke sekolah-sekolah terpilih. Inisiatif ini dibantu dengan mengadakan kolaborasi akademia bersama penggiat industri dengan mempelawa mereka mengadakan program Industry on Campus (IOC). Dengan ini, maklumat terkini berkaitan teknologi yang seiring dengan kehendak industri diperoleh dan diolah ke dalam kurikulum.

Selain itu penubuhan TRIC menyokong agenda 4IR JPPKK- Industry Driven Flagships, selaku penyumbang satelit kategori Robotik & Artificial Intelligence (AI) kepada pemegang flagship Autonomous Vehicle (AV). TRIC diberi mandat untuk memberikan input dan berkongsi kemahiran dalam bidang robotik dan AI bersama-sama dengan pemegang Flagship AV, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Behrang, Perak. Jelaslah bahawa penubuhan TRIC ini bakal memberi banyak manfaat kepada PSA, JPPKK dan pelajar. Dengan penubuhan pusat teknologi sebegini tentunya PSA akan terus menjadi peneraju teknologi kepada Politeknik di Malaysia khususnya dan seluruh masyarakat amnya.

PSA Pupuk Keusahawanan Pelajar melalui Lunar Mega Best Buy

Oleh: Zaharatul Akmar binti Zainuddin

22-23 Januari 2020 - Premier Enterpreneur Centre (PEC) dan FAMA Negeri Selangor telah bekerjasama menganjurkan Program Lunar Mega Best Buy bertempat di Dewan Al-Jazari, PSA. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail. Tiga objektif utama program ini adalah untuk merealisasikan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, attribut dan nilai keusahawanan. Selain itu, untuk menanamkan budaya, menerapkan ilmu dan memberi pendedahan dikalangan mahasiswa dan graduan berkenaan bidang keusahawanan, sebagai kerjaya pilihan. Program ini juga dapat membantu pelajar untuk menjadi usahawan dengan membina perniagaan dan menambah-baik ekonomi mereka semasa dalam pengajian.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sempena Lunar Mega Best Buy ini adalah CIMB Best Mart iaitu aplikasi teori dan praktikal pengurusan kewangan. Selain itu ceramah oleh En. Syukran bin Jamil dari IKM Kuala Lumpur dengan tajuk Business Idea and Planning. Seterusnya diadakan juga forum untuk berkongsi ilmu mengenai amalan terbaik pengurusan perniagaan masyarakat Cina oleh Sdr. Moo Pei Siang. Hampir 30 gerai jualan pelajar telah menyertai Program Lunar Mega Best Buy kali ini. Program ini merupakan program latihan jualan secara off line yang dijalankan beberapa kali dalam semester di PSA. Terdapat juga gerai jualan pelajar yang menjual makanan fusion seperti rempeyek, golden salted egg dan hot cheese pop. Menariknya ada juga yang menjual pelbagai jenis makanan Korea yang semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat kita.



Kehadiran Tuan Pengarah PSA ke majlis perasmian Lunar Mega Best Buy telah diiringi oleh Pengerusi Kelab Myagrosis PSA, saudara Meor Muhamad Fazrul.



Program My Best Buy merupakan program latihan jualan secara off line yang dijalankan beberapa kali dalam semester di PSA. Tahun ini bersempena dengan perayaan tahun baru Cina, Lunar Mega Best Buy dijalankan dengan membawa tema warna merah, gerai hiasan ala-ala Cina, pertandingan Kaligrafi dan pertandingan masakan Cina. Majlis penutup program kelihatan meriah dengan semua tetamu memakai baju berwarna merah seperti semangat usahawan pelajar PSA yang membara.



Majlis penutup program kelihatan meriah dengan semua tetamu memakai baju berwarna merah seperti semangat usahawan pelajar PSA yang membara.



Tahun ini bersempena dengan perayaan tahun baru Cina, tema program ini adalah Chinese New Year Festival yang mengetengahkan amalan terbaik perniagaan masyarakat Cina. Selain gerai jualan terdapat juga pertandingan gerai hiasan Cina, pertandingan kaligrafi Cina, dan pertandingan masakan Cina. Pada akhir majlis, PEC telah melantik Sdr. Moo Pei Siang sebagai rakan kongsi strategik dalam bidang keusahawanan. Beliau adalah bekas pelajar Jabatan Perdagangan dan akan dijadikan mentor kepada usahawan pelajar PSA. Beliau akan berkongsi ilmu perniagaan dan memberikan khidmat nasihat kepada pelajar yang ingin maju dalam perniagaan jualan dan baik pulih telefon bimbit.

Majlis penutup program kelihatan meriah dengan semua tetamu memakai baju berwarna merah seperti semangat usahawan pelajar PSA yang membara dalam mengorak langkah sebagai usahawan berjaya. Melalui program seumpama ini pelajar dapat menambah duit poket dengan berniaga di reruai pameran. Selain itu tentunya mereka dapat membina banyak jaringan sosial perniagaan dengan pembekal dan pembeli. Daripada program ini, mereka boleh mendalami selok belok kemahiran perniagaan dan merasai pengalaman pahit manis dalam berniaga. Semoga usaha-usaha seperti ini dapat menjayakan salah satu hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) iaitu menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.



Tidy Friday : Less Clutter, Less Stress

Oleh : Dr. Aziam binti Mustafa

Kempen Tidy Friday : Less Clutter, Less Stress adalah salah satu amalan baik Pengurusan Lean (Lean Management). Ia merupakan kempen yang bersifat menyeluruh dengan menggabungkan semua aspek kebersihan, peradaban yang positif, persekitaran yang selamat dan ceria, meningkatkan semangat bekerja, pengurusan sisa yang efisien, meningkatkan amalan kitar semula dan penjimatan tenaga di tempat kerja.

Kempen ini adalah selari dengan objektif Pelan Tindakan Kebersihan Kebangsaan 2015 – 2020 dan Dasar Kebersihan Negara (DKN) iaitu ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersih dalam usaha mencapai taraf negara maju dengan memberi tumpuan kepada kebersihan, kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar. Kelestarian alam sekitar ini bermaksud, walaupun negara mengalami pembangunan tetapi alam sekitar tetap terpelihara dan dipulihara. DKN memfokuskan lima kluster, iaitu kesedaran mengenai kebersihan; kelestarian alam sekitar; ekonomi kitaran; tadbir urus dan penguatkuasaan serta modal insan yang berkualiti dan berkemahiran. Kempen ini juga bersandarkan kepada Kitaran 5S iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amalkan.

Kempen Tidy Friday telah dilancarkan pada 7 Februari 2020 di Perhimpunan Staf Bilangan 1/2020 oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail. Program ini adalah anjuran bersama Unit Lean Management, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Penyelaras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Penyelaras Polygreen, Unit Teknologi Maklumat, Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia serta Unit E-Learning.

Promosi secara besar-besaran telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Hebahan dan Promosi Online melalui Tidy Friday screen saver, poster, flyers dan Tidy Friday website banner. Semua bahan kempen dipasangkan secara automatik ke komputer staf supaya mereka lebih peka dengan kempen ini. Skrin ini akan ditukar setiap minggu. Setiap pejabat juga dibekalkan dengan poster berkaitan kempen ini.

'Agama tidak melarang sesuatu sesuatu perbuatan kalau perbuatan itu tidak merusak jiwa. Agama tidak menyuruh kalau suruhan tidak membawa selamat dan bahagia jiwa.'

Hamka



Pengurusan Tertinggi PSA menyokong Kempen Tidy Friday.



Kempen Tidy PSA dengan tema “Less Clutter, Less Stress” ini dapat menjadikan persekitaran pejabat, lokasi pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran PSA berada dalam situasi yang menyeronokkan dan memotivasikan para staf dan pelajar. Kempen ini juga diharapkan dapat menggalakkan amalan kitar semula, pengurusan sisa yang efisien serta menggalakkan pengurangan kos. Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang kempen adalah Gotong Royong Perdana, pengumpulan minyak masak terpakai, pengumpulan bahan kitar semula, berjalan 10 ribu langkah bersama Tuan Pengarah PSA dan penilaian kebersihan tapak. Secara tidak langsung kempen Tidy Friday ini adalah bertepatan dengan pandemik Covid19 yang mengutamakan kebersihan diri baik di rumah, di pejabat atau di mana sahaja berada.

Sehubungan ini, pelaksanaan kempen ini telah dilanjutkan sehingga hujung tahun 2020. Kerajaan telah memainkan peranan mereka untuk membasmi virus Covid-19 dengan seriusnya, maka secara tidak langsung melalui kempen ini PSA telah menyokong semua usaha kerajaan untuk memulihkan keadaan supaya boleh kembali kepada sedia kala.

Kempen ini juga selari dengan hasrat Tuan Pengarah PSA yang mahukan kakitangan bekerja dengan penuh Passionate, Synergize & Agile. Bekerja dengan bersungguh-sungguh, bertindak secara bersama dan tangkas dalam melaksanakan tindakan. Akhirnya melalui kempen Tidy Friday ini dapat menimbulkan rasa nyaman dan selesa kepada kakitangan di tempat kerja. Persekitaran yang bersih dan teratur tentunya menimbulkan mood dan keberhasilan kerja yang lebih baik kepada kakitangan dan pelajar.



Akademik

PSA Raih Diamond Award di Final Year Project & Postgraduate Poster Competition 1/2020 (FYPPC 2020)

Oleh : Sa'adiyah binti Mohd Hisam

Tirai tahun 2020 dibuka dengan kejayaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dalam bidang penyelidikan dengan meraih kejayaan dalam *Final Year Project & Postgraduate Poster Competition 1/2020* yang bertaraf antarabangsa anjuran *Mediate Nexus and Nurture a Fast Network (MNNF Network)* bertempat di *Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan* pada 6 Januari 2020. PSA telah menghantar dua penyertaan dari pelajar-pelajar Program Diploma Perniagaan Antarabangsa dari Jabatan Perdagangan dan berjaya merangkul anugerah: DIAMOND dalam kategori: Diploma Final Year Project Social Sciences and Humanity bertajuk: *Water Conservation during Ablution: A Case Study at Al-Barokah Mosque Kampung Bukit Cherakah Jaya*. Para pembentang terdiri daripada Mohd Aiman bin Mohd Fauzi (08DPI17F2010), Syahid Irfan bin Yunus (08DPI17F2002), Jaanavee Devi a/p Sundaresan (08DPI17F2014) dan Fatin Najihah binti Zainal Abidin (08DPI17F2021).

PSA turut merangkul anugerah: GOLD bagi kategori yang sama bagi penyelidikan bertajuk: *The Perception of Kampung Bukit Cherakah Jaya's Community on Co-management Antecedent: A Case Study on Empangan Tasik Subang Forest Reserve* yang telah dibentangkan oleh Jaanavee Devi a/p Sundaresan (08DPI17F2014), Fatin Najihah Binti Zainal Abid (08DPI17F2021), Syahid Irfan Bin Yunus (08DPI17F2002) dan Mohd Aiman bin Mohd Fauzi (08DPI17F2010). Kejayaan ini juga adalah atas usaha gigih bersama penyelia mereka iaitu Datin Seri Dr Zainah binti Othman, Dr Nurul Ajleaa binti Abdul Rahman dan Encik Azizi Mursidy bin Zainol Abidin. Tahniah diucapkan, semoga kejayaan sebegini boleh dikekalkan pada masa akan datang.



Barisan pelajar-pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa yang berjaya memenangi anugerah Diamond Awards dan pingat emas dalam pertandingan Final Year Project & Postgraduate Poster Competition anjuran MNNF Publisher di Hotel of The Palace of Golden Horses Seri Kembangan, Selangor.

Penyelidik PSA Terima Geran TARGS Untuk Kajian Cerebral Palsy

Oleh : Dr. Wan Rosemehah binti Wan Omar



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Noraini Binti Hj. Naseran dari Jabatan Kejuruteraan Awam kerana berjaya memperolehi Geran Penyelidikan TVET Applied Research Grant Schem (T-ARGS) – *Development Assisive Technology Tools For Cerebral Palsy Children* sebanyak RM 62,000. Di bawah skim ini, geran diberikan kepada projek-projek penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan, teknologi maklumat, sains komputer, sains bahan, dan teknologi yang dijalankan oleh penyelidik dibawah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Beliau akan menjalankan kajian untuk Projek T-ARGS iaitu 'Development Assisive Technology Tools For Cerebral Palsy Children' dalam tempoh 12 bulan.



Tujuan penyelidikan dibuat adalah untuk merancang alat bantuan berdiri untuk kanak-kanak dengan Cerebral Palsy dan mengembangkan Alat Bantu Tetap untuk Kanak-kanak Cerebral Palsy dengan sistem permotoran. Penyerahan dibuat oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail dan diiringi oleh Dr. Hasmawi bin Khalid, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pn. Noraini binti Hj. Naseran menerima geran TARGS berjumlah RM 62,000 untuk projek *Development Assisive Technology Tools For Cerebral Palsy Children*.



Penyelidik TARGS menyantuni adik Hani Zahra binti Anuar (8 Tahun) yang merupakan salah seorang pesakit *Cerebral Palsy*.

Special Award & Best Mentor Award - National Young Polycc Entrepreneurs 2020

Oleh : Rozita Halina

Inovasi Cooking Oil Absorbent (CoZorb) oleh pelajar Diploma Pemasaran, Jabatan Perdagangan PSA, Noor Azryin Binti Azlan (08DPR18F1042) yang menggunakan sisa teh dan hampas jagung untuk dijadikan satu produk penyerapan minyak masak telah merangkul Special Award bagi kategori pelajar dalam National Young Polycc Entrepreneurs, Let's Make Your Pitch! 2020. Program bertemakan "Empowering Entrepreneur through IR 4.0" yang diadakan di M Suites Hotel, Johor Bahru pada 9 - 11 Mac 2020 ini memberi kesedaran mengenai kepentingan business pitching (pemula idea perniagaan). Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan kaedah-kaedah 'Business Pitching' menggunakan *Business Model Canvas (BMC)* untuk menguji kekukuhan idea perniagaan yang bakal dan sedang digunakan serta untuk melihat keseluruhan pengurusan dan operasi perniagaan.

Bukan hanya pelajar yang menerima anugerah, pensyarah Jabatan Perdagangan iaitu Puan Rozita Halina Binti Rosli juga berjaya merangkul 'The Best Mentor Award' atas kegigihan dan kesungguhan beliau dalam membantu menyemarakkan usaha dan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar demi mencapai manifestasi Dasar Keusahawanan Nasional.



The Best Mentor Award disandang oleh Pn. Rozita Halina binti Rosli.

Program National Young PolyCC Entrepreneurs, Let's Make Your Pitch 2020 (NYP2CE'20) yang berlangsung selama 3 hari iaitu dari 9 Mac hingga 11 Mac telah diadakan dengan jayanya di M Suites Hotel. Turut hadir bersama adalah Encik Nor Hashimi Bin Mahat sebagai perasmis, Prof. Madya Dr. Mohd Zaidi sebagai Ketua Juri, Tuan Hj Mohd Nor Mazlan (BAPP, JPPKK) dan juga delegasi dari Politeknik Negeri Medan, Indonesia.



Anugerah Best Mentor Pertandingan National Young Polycc Entrepreneurs 2020.

Malaysia Technology Expo 2020 : 1 Emas dan 2 Perak Untuk PSA

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd. Amin

20-22 Februari 2020 telah berlangsung *Malaysia Technology Expo (MTE) 2020* di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Beberapa kategori pertandingan berkaitan teknologi dan inovasi telah diadakan sempena Ekspo tersebut. Antara pertandingan yang terdapat di dalam Ekspo ini ialah Invention & Innovation Awards, Public Service Innovation Awards, Social Innovation Asia Awards, dan Asian Youth Innovation Awards.

Pelajar dari JKE dan JPG telah menyertai pertandingan ini dalam kategori *Asian Youth Innovation Awards*. Mereka adalah pelajar dari Program Diploma Kejuruteraan Elektronik Komunikasi, pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Perubatan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa dari Jabatan Perdagangan. Anugerah ini telah bermula pada tahun 2014 untuk menggalakkan penyertaan generasi muda di dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis telah hadir merasmikan Ekspo ini. Anugerah yang berjaya diperoleh PSA adalah seperti berikut :



Penerima Anugerah Emas MTE dan Anugerah Khas INNOPA

1. Special Award INNOPA

Anugerah : Gold Award

Kategori : Agriculture
Tajuk : The Electronic Scarecrow Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Peserta : Syahmi Aqasha bin Mohamad Zawawi (Pembentang) dan Mohd Fadhil bin Alias
Penyelia : Rohaniza binti Mohd Zali, Nurul Akmar binti Kamaruddin dan Annafaedzatul binti Mohamad Amin.

2. Anugerah : Gold Award

Kategori : Agriculture
Tajuk : The Electronic Scarecrow Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Peserta : Syahmi Aqasha bin Mohamad Zawawi (Pembentang) dan Mohd Fadhil bin Alias
Penyelia : Rohaniza binti Mohd Zali, Nurul Akmar binti Kamaruddin dan Annafaedzatul binti Mohamad Amin.

3. Anugerah : Silver Award

Tajuk : Air Monitoring Devices with IOT for COPD Patient (AMDCOPD)
Peserta : Muhammad Lufti bin Rosli (Pembentang), Mohd Harith bin Hashim, Nurul Atiqah binti Kamarozaman dan Nor Syamimiliana binti Mat Yuna.
Penyelia : Yaakub bin Omar, Nurul Huda binti Mohd. Saleh, Ts. Dr. Hj. Zunuwanas bin Mohamad, Dr. Hjh. Wan Rosemehah binti Wan Omar dan Suryani binti Ilias.

4. Anugerah : Silver Award

Tajuk : Ablution H2O Saver Visual Booster.
Peserta : Mohd Aiman bin Mohd Fauzi (Pembentang), Syahid Irfan bin Yunus, Jaanavee Devi a/p Sundaresan dan Fatin Najihah binti Zainal Abidin.
Penyelia : Datin Seri Dr. Zainah binti Othman dan Dr. Nurul Ajleaa binti Abdul Rahman.

Rekaan ini memfokuskan kepada usaha untuk mengurangkan penggunaan air ketika wuduk di mana konsep yang diketengahkan adalah penggunaan penanda yang boleh diletakkan kepada pili air tempat mengambil wuduk. Penanda ini boleh menentukan kadar putaran kepala pili sekaligus dapat mengurangkan kadar air yang digunakan pada satu-satu masa. Tahniha PSA atas pencapaian ini!





Pengarah
 Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 Persiaran Usahawan
 Seksyen U1
 40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
 (u.p. : Encik Ahmad Amirul Azmi bin Zainal)
 No. K/P : 981110-10-6449

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI CALON PESERTA NEGARA BAGI WORLD SKILLS ASEAN (WSASEAN) KE-13, TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Encik Ahmad Amirul Azmi bin Zainal, No. K/P: 981110-10-6449 dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah dilantik oleh Urusetia Kemahiran Malaysia sebagai Calon Peserta Negara bagi World Skills ASEAN (WSASEAN) ke-13 Tahun 2020 dalam bidang *mechanical engineering design CAD*.



Amirul Bintang PSA Wakili Malaysia : Road to ASEAN Skills Singapore 2020/2021

Oleh : Shariza Azwin binti Yahya

PolySkills 2018 anjuran PSA adalah saringan pertama penglibatan Ahmad Amirul Azmi bin Zainal, seorang pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal untuk pertandingan bidang Kejuruteraan Mekanikal Computer Aided Design (CAD). Beliau adalah seorang pelajar yang dedikasi, berdisiplin dan memberi komitmen tinggi sepanjang sesi latihan yang dijalani. Bakat beliau dikesan oleh pensyarah selaku jurulatih beliau, Pn. Shariza Azwin Binti Yahya semasa saringan pelajar untuk mewakili PSA ke pertandingan PolySkills 2018. Pertandingan tersebut telah berlangsung pada September 2018. Sesi latihan bagi menghadapi pertandingan telah dijalankan dengan kerap seawal 3 bulan sebelum tarikh pertandingan. Pengorbanan latihan telah membuahkan kejayaan manis apabila beliau diumumkan mengungguli Tempat Pertama (Pingat Emas) mengatasi 25 politeknik yang lain.

Kejayaan PolySkills 2018 membawa beliau ke peringkat seterusnya iaitu mewakili Politeknik Malaysia ke pertandingan PRA Worldskills Malaysia Belia (PRA WSMB) pada April 2019. Pertandingan peringkat PRA WSMB melibatkan saingan bersama institusi lain seluruh Malaysia. Beliau telah mencapai kejayaan manis kerana berjaya mendapat tempat pertama dan seterusnya layak ke Pertandingan Akhir WorldSkills Malaysia Belia pada Oktober 2019 bersama 9 peserta lain.

Bagi menghadapi Pertandingan Akhir, latihan telah dipertingkatkan memandangkan modul akhir pertandingan adalah melibatkan 4 modul iaitu 4 hari pertandingan dengan modul yang menyamai pertandingan peringkat antarabangsa. Sekali lagi Amirul mendapat tempat Pertama di peringkat Akhir WorldSkills Malaysia Belia (WSMB).

Pada Januari 2020, telah diadakan saringan ke atas 4 peserta terbaik pertandingan akhir WSMB untuk pemilihan wakil negara ke pertandingan WorldSkills Asean 2020 yang sepatutnya berlangsung pada Julai 2020. Latihan persediaan dilakukan selama sebulan dan akhirnya Amirul berjaya terpilih mewakili Malaysia ke WorldSkills ASEAN Singapore yang ditangguhkan ke April 2021. Kini, beliau masih menjalani latihan bagi mencapai kejayaan di WorldSkills ASEAN Singapore untuk mewakili Malaysia ke Worldskills di Shanghai pada Oktober 2021. Semoga kejayaan milik PSA khususnya dan Malaysia amnya.

NICHE AREA

CMET - ISO 17025:2017 Extension of Scope Audit

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd Amin



Proses witnessing oleh auditor untuk menguji kompetensi staf sebagai *approved signatory*.

Pada 21 Januari 2020, pasukan Auditor yang dilantik oleh Jabatan Standard Malaysia telah melaksanakan proses audit di CMET. Audit seumpama ini biasanya dijalankan mengikut perancangan pemerkasaan CMET dari semasa ke semasa. Objektif audit ini ialah untuk mendapatkan akreditasi bagi skop baharu mematuhi keperluan standard ISO 17025:2017. Pertambahan skop akreditasi baharu memerlukan proses di mana prosedur kalibrasi dan perlaksanaannya dinilai dan ditentukan sahkan oleh auditor yang dilantik. Selain itu audit ini juga bertujuan untuk menguji kompetensi staf CMET dalam menjalankan aktiviti kalibrasi bagi peralatan *Digital Pressure Meter (Vacuum)*. *Digital Pressure Meter (Vacuum)* ialah peralatan yang digunakan untuk mengukur tahap tekanan dalam ujian tekanan darah dan peralatan lain dalam bidang perubatan yang melibatkan parameter tekanan.

Pegawai CMET yang terlibat telah berjaya melepasi sesi pengauditan tersebut, justeru pihak Jabatan Standard Malaysia bersetuju untuk meluluskan pertambahan skop baharu dan memperakukan Puan Fazida Adlan dan Puan Rusnani Yahya sebagai *approved signatories* bagi skop tersebut. Tahniah diucapkan kepada kedua-dua staf ini. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk bekerja lebih tekun pada masa hadapan. Dengan pengiktirafan ini, CMET kini mampu menawarkan perkhidmatan kalibrasi berakreditasi kepada lebih banyak peralatan biomedikal. Kesimpulannya CMET telah berjaya untuk terus memperkasakan keupayaan makmal kalibrasi dan lebih berdaya saing bagi menjamin kelestariannya.



Bersama Auditor dari Jabatan Standard Malaysia.



Mesyuarat penutup audit pertambahan skop CMET.

Lawatan dari Centre of Technology Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin ke Centre for Medical Electronic Technology PSA

Oleh : Norsham binti Hassan

12 Feb 2020, CMET telah menerima lawatan penandaarasan dari COT PSMZA. Objektif lawatan ini ialah untuk sesi perkongsian pengalaman CMET sebagai COT yang telah berjaya mendapat pengiktirafan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. Pertemuan ini juga memberi pendedahan kepada COT PSMZA, pendekatan CMET dalam merancang pelbagai inisiatif bagi memastikan kelestariannya. Selain taklimat, peserta juga dibawa melawat ke Makmal Kalibrasi CMET untuk lebih memahami aktiviti yang dijalankan oleh CMET.



Lawatan ke Makmal Kalibrasi CMET.



Sesi taklimat pengurus CMET kepada delegasi COT PSMZA.



Pelajar Techno-Huffaz PSA Jadikan Pertandingan Medan Kukuhkan Hafazan

Oleh : Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria

Dua pelajar Techno-Huffaz PSA menimba pengalaman berharga setelah menyertai Pertandingan Hafazan Al-Quran ITQAN Peringkat Kebangsaan kali ke-13 yang telah berlangsung pada 8 Mac 2020 yang lalu bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak. Muhammad Nur Iman bin Noor Azhar dan Muhammad Amir Syakir bin Norazmi pelajar semester 2 pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, mengambil inspirasi daripada rakan Techno-Huffaz mereka yang telah berjaya mengharumkan nama PSA di Pertandingan Tilawah dan Menghafal al-Quran Negeri Selangor peringkat Daerah Petaling Oktober tahun lalu iaitu Yasmin Hani binti Abd Halim dan Nadia Athifah binti Mamat dengan menempa nama pada kedudukan kedua dan kelima kategori 1 hingga 10 juzuk di pertandingan tersebut.

Bertanding bersama ratusan peserta yang lebih berpengalaman tidak melemahkan semangat Muhammad Nur Iman dan Muhammad Amir Syakir. Berbekalkan semangat juang yang tinggi, menampakkan mereka umpama duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan peserta-peserta yang lain. Selain itu, sokongan daripada ibu bapa, pensyarah serta rakan seperjuangan menyuntik keberanian untuk mencuba sesuatu yang belum pernah dilakukan sebelum ini.



Muhammad Nur Iman mempersembahkan bacaan di hadapan panel.

Hadis riwayat Bukhari;
Maksud: "Sebaik-baik dari kalangan kamu adalah siapa yang belajar Al- Quran dan mengajarkannya."



Muhammad Nur Iman dan Muhammad Amir Syakir merakam kenangan bersama panel dan para peserta.

Pertandingan Hafazan al-Quran ITQAN menawarkan pelbagai kategori pertandingan. Mencuba nasib melalui kategori 1 hingga 3 juzuk, Muhammad Iman dan Muhammad Amir hanya berjaya melepasi peringkat saringan dan tidak berjaya menempah tiket ke peringkat akhir. Namun mereka berpuas hati atas persembahan dan prestasi yang berjaya mereka tonjolkan. Pengalaman pertama, pengalaman berharga. Pemangkin untuk terus maju dan berjaya pada masa akan datang.

Selain itu, bagi Muhammad Iman dan Muhammad Amir, menyertai pertandingan adalah salah satu medan untuk memperkukuh hafalan al-Quran. Selain daripada pendedahan al-Quran dan aktiviti harian dalam kelas, ilmu al-Quran juga boleh diperoleh di luar kelas dan pertandingan adalah antara platformnya. Justeru, PSA amat menggalakkan pelajar-pelajar Techno-Huffaz menyertai pertandingan menghafal al-Quran. Walaupun tidak menjadi pemenang, namun semangat bersaing serta berusaha memantapkan hafalan al-Quran itu penting bagi melahirkan pelajar yang berciri holistik, seimbang dengan permintaan dunia dan matlamat akhirat.


Hadis Riwayat Al Hakim;

Dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas'ud R.A, Nabi SAW bersabda;
Maksudnya: "Al-Quran ini adakah hidangan Allah.Oleh itu hadaplah hidangan Allah ini sepuas hati kamu. Al-Quran ini adalah tali Allah (cahaya yang menjadi petunjuk), cahaya yang terang dan ubat yang mujarab, pengawal bagi orang yang berpegang dengannya, penyelamat bagi orang yang mengikutnya, sesiapa yang tersesat akan dipandunya, sesiapa yang menyimpang akan dibetulkan, keajaibannya tiada henti, keagungan dan kemanisan bacaannya tidak akan terjejas walau sekerap mana sekalipun diulang. Bacalah kerana Allah, kerana ia akan memberikan kamu ganjaran jika kamu membacanya setiap satu huruf sepuluh ganjaran. Saya tidak katakan Alam Laam Miim sebagai satu huruf tetapi alif (1 huruf) dan Laam (1 huruf) dan Miim (1 huruf)." Riwayat al-Hakim

Radibems Institusi Pertama Tubuh *Industry on Campus (IoC)* di PSA

Oleh : Nor Kharul Aina binti Mat Din

Program pembangunan *Industry on Campus (IoC)* merupakan salah satu hasrat murni pihak pengurusan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dalam menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing. Sehubungan itu, PSA telah bekerjasama dengan syarikat Radibems Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat perkhidmatan pengurusan kejuruteraan Bioperubatan untuk merealisasikan program IoC ini. Program ini dijangka dapat menggalakkan kerjasama akademik-industri dalam pembangunan profesionalisme bagi industri penjagaan kesihatan. Antara manfaat lain yang bakal diperolehi adalah peluang untuk bekerjasama dalam bentuk projek, penyelidikan dan perkembangan dalam bidang kejuruteraan Bioperubatan yang saling menguntungkan semua pihak.



Sesi perbincangan rekabentuk ruang kerja untuk *industry on campus* di Makmal JKE.

KOLABORASI

PSA dan MTIB Bina Rumah Industrialised Building System (IBS)

Oleh: Noraini binti Hj. Naseran

17 Februari 2020 - JKA telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) di antara PSA dan *Malaysian Timber Industry Board (MTIB)* untuk projek PSA IBS Timber House. Melalui projek ini, MTIB dan PSA akan bekerjasama dalam pembinaan rumah kayu menggunakan kaedah *Industrialised Building system (IBS)* di dalam PSA. Kaedah IBS ialah suatu kaedah pembinaan di mana komponen IBS dihasilkan di luar tapak, dan memerlukan sedikit tambahan kerja untuk pemasangan di tapak. Lokasi projek telah dikenalpasti iaitu berhadapan bangunan pentadbiran.



Manfaat yang diperolehi melalui kaedah pembinaan IBS ialah masa penyelesaian yang lebih cepat, produktiviti yang lebih besar, kurang sisa, kurang kemalangan dan kos pembinaan yang lebih rendah. Ini adalah sejajar dengan matlamat pembangunan lestari (Sustainable Development Goals) yang antaranya menekankan elemen kualiti pendidikan, industri inovasi dan infrastruktur. Selain membangunkan Modul Pembelajaran, Manual Kerja dan Standard Operation Procedure (SOP) bagi pembinaan rumah berasaskan teknologi IBS, TimTech bakal dimanfaatkan oleh warga PSA sebagai galeri, pusat kolaborasi, pusat keusahawanan, pusat aktiviti pelajar, bilik mesyuarat atau seminar dan sebagai tarikan baharu untuk pelawat-pelawat luar. Ia sekaligus mengeratkan hubungan di anatar PSA dan industri terutamanya MTIB yang sememangnya telah memeterai MoU semenjak 2017.



Lawatan PSA ke projek rumah warisan Hj. Kundur Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

JPG Anjur Festival Seni Warisan Nusantara

Oleh: Sa'adah binti Mohd. Hisam

Batik Fashion Show yang diadakan semasa Festival Seni Warisan Nusantara pada 5 Mac 2020 telah membuka peluang kepada para pelajar untuk mencungkil bakat peragaan di samping memartabatkan rasa cinta terhadap seni dan budaya Malaysia di kalangan generasi muda. Festival ini telah dianjurkan dengan kerjasama UA Sham Sdn. Bhd., Sayyidati Cosmetics, Nuri's Batik dan MatadiQ Enterprise.

Antara aktiviti menarik yang dijalankan adalah pertandingan mewarna batik, solekan mekap artis, bengkel peragaan, tapak pameran permainan tradisional dan lain-lain. Penganjuran festival ini dilihat dapat menyumbang kepada keberhasilan graduan TVET dengan kemahiran abad 21.

Graduan diharapkan memiliki ilmu yang relevan melalui pendedahan kepada dunia sebenar perniagaan dengan penglibatan pihak industri. Selain itu festival ini dapat memperkukuh penjenamaan dan reputasi PSA melalui penglibatan sekolah disekitarnya sehingga menjadikan PSA sebagai sebagai pilihan ibubapa dan pelajar dalam melanjutkan pelajaran.



‘The Sun doesn’t lose its beauty when covered by the clouds. The same way your beauty doesn’t fade when being covered by Hijab’

Angelina Jolie



Persembahan tarian kebudayaan oleh Kelab Semarak Seni PSA.

Mesyuarat Bersama Penasihat Industri Jabatan Kejuruteraan Elektrik(JKE)

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd Amin

Pada 10 MAC 2020, JKE telah mengadakan Mesyuarat Penasihat Industri JKE Bilangan 1/2020. Wakil industri yang hadir adalah Encik Ahmad Zamri bin Hashim (Telekom Malaysia Berhad), Encik Mohd Hanafi Iskandar bin Asnawee (Radibems Sdn. Bhd.), Encik Abdullah bin Abdul Rahman (Advance Pact Sdn. Bhd.), Hj. Rozmi bin Rahim (Supreme Didactic Sdn. Bhd.), Encik Azman Bin Hamid (Next Level Technologies Sdn. Bhd.) dan Encik Muhamad Jafri bin Zainal (KUB Telekomunikasi Sdn. Bhd.). Latar belakang Penasihat Industri adalah dari pelbagai bidang yang berkaitan dengan program yang ditawarkan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Mesyuarat ini bertujuan untuk menjalin hubungan kerjasama bersama industri bagi Program BEU-Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan), DEU-Kejuruteraan Elektronik (Perubatan), DEP-Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) dan DJK-Kejuruteraan Elektronik (Kawalan) melalui ikatan kolaborasi strategik. JKE telah diwakili oleh semua Ketua Program (KP) dan Ketua Kecemerlangan JKE iaitu Puan Nurul Huda binti Mohamad Saleh (KP BEU), Puan Norazlina binti Jaafar (KP DEP), Puan Ida Maria binti Mohd Yusoff (KP DEU), dan Puan Salizahanim binti Leman (KP DJK).




Mesyuarat Penasihat JKE Bil 1/2020 dipengerusikan oleh Encik Azman bin Hamid dari Next Level Technologies Sdn. Bhd.



Penyampaian cenderahati kepada Encik Mohd Hanafi Iskandar bin Asnawee, Technical Manager (Federal Zone), Radibems Sdn. Bhd.



Penyampaian cenderahati kepada Encik Azman bin Hamid, Managing Director, Next Level Technologies Sdn. Bhd.



Ketua Program dan Ketua Kecemerlangan JKE bersama wakil-wakil industri.

Pada mesyuarat ini, Puan Hanizah binti Anaitullah selaku Ketua Jabatan JKE telah membuat pembentangan Pencapaian KPI Jabatan Kejuruteraan Elektrik 2019 & Aktiviti PSA 2019/2020 berdasarkan 5 Teras iaitu : menghasilkan graduan TVET berkualiti, memantapkan governans yang responsif dan mampan, memperkaya bakat, menerajui sistem pendidikan melalui TVET dan akhir sekali membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi. Mesyuarat ini juga membincangkan mengenai kolaborasi projek pelajar bersama industri yang boleh diketengahkan. Perbincangan juga meliputi persiapan pelajar yang bakal menjalani latihan industri seperti peningkatan kemahiran yang perlu ada untuk mereka menempuhi alam pekerjaan.

Mesyuarat Penasihat Industri Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)

Oleh : Muhammad Faiz bin Abdullah

JKM telah mengadakan Mesyuarat Penasihat Industri pada 28 Februari 2020. Wakil industri yang telah hadir adalah Mohd Fahmi bin Idris (Helio Solution Sdn. Bhd.), M. Fahrol Amin bin Mohamad (ADM Venture Sdn. Bhd.), Mohd Shabuddin bin Mat Hassan (Indsys Engineering Sdn. Bhd.), Ahmad Zaidi bin Md. Zain (KPTC Technologies Sdn. Bhd.), dan Puan Eamienor Zakiah binti Md. Zuki serta Hafidah binti Awaludin dari Persekutuan Orang Pekak Malaysia. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Muhammad Faiz bin Abdullah, Ketua Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM). Wakil jabatan yang hadir dalam mesyuarat ini adalah Puan Salhana binti Sahidin (Ketua Jabatan), Puan Ngai Chooi Hoong (Ketua Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pembungkusan (DMP), Encik Ahmad Fakaruddin bin Mohd. Fauzi (Ketua Program Sijil Penyenggaraan Mekanikal), dan lain-lain Ketua Kecemerlangan.



Mesyuarat Penasihat Industri dipengerusikan oleh En. Muhammad Faiz bin Abdullah.



Pengerusi memaklumkan bahawa program DKM dan DMP telah berjaya mendapat akreditasi *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) oleh Majlis Jurutera Malaysia selama 6 tahun. Pengerusi juga telah membentangkan *Body of Knowledge* bagi program DKM dan DMP merangkumi pembelajaran selama 6 semester dengan jam kredit berjumlah 94 jam. Selain itu ahli mesyuarat telah dimaklumkan tentang pembelajaran berasaskan *Outcome-based Education* (OBE) yang merangkumi visi/misi, matlamat pendidikan, program, objektif program serta hasil pembelajaran peringkat program dan kursus. Seterusnya agenda mesyuarat pula membincangkan perkara-perkara seperti berikut iaitu pendedahan pelajar politeknik kepada industri, masalah pelajar khas, industry on campus (IoC), silibus DKM dan DMP, kolaborasi impak tinggi dan isu keselamatan. Sebagai makluman IoC adalah program untuk membawa industri atau syarikat ke PSA. Pelajar Latihan Industri boleh diberi latihan oleh syarikat IoC dan membuat penyenggaraan kepada mesin yang telah dibekalkan oleh syarikat. Pihak syarikat boleh menggunakan fasiliti PSA dan secara tidak langsung boleh dijadikan sebagai Latihan Sangkutan Industri bagi tujuan *reskilling* dan *upskilling*.

Mesyuarat ini mendapat pelbagai reaksi dan pendapat yang boleh digunakan bagi menambah baik keperluan program yang sedia ada. Hasil daripada keputusan mesyuarat akan diketengahkan kepada pihak pengurusan politeknik untuk digunakan dalam perancangan akan datang.

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)

Oleh : Arduni binti Ahmad

JKA telah mengadakan Mesyuarat bersama Penasihat Industri Jabatan pada 18 Februari 2020 di Bilik Mesyuarat Utama, PSA. Wakil industri yang hadir ialah Tn. Hj Mohammad Shahrizal bin Mohammad Idris - Pengerusi (GFM Services Bhd), Ir. Prof Dr. Wan Mahmood bin Wan Abdul Majid (Ai-Madinah International University (MEDIU), Ir. Shahul Hameed bin Mydin (Jurutera Perunding Zaaba Sdn.Bhd), Ir. Wan Mohammad Zaidi bin Wan Isa (Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur), Ts. Sr. Dr. Hayroman Ahmad (Universiti Teknologi MARA Perak), Encik Mohd Mazhar bin Mohd. Marzuki (Integrated Facility Management), Dr. Mohd Nor Zamri bin Mat Amin (WISDEC Selangor), Encik Kamaruddin bin Haji Kalib (FITEC), Encik Albert Khoo (Majlis Perabot Malaysia). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Hj. Mohammad Shahrizal bin Mohammad Idris. Turut hadir ialah Ketua Jabatan JKA, Dr. Hasmawi bin Khalid, Puan Sarina binti Talib (Ketua Program Kejuruteraan Awam), Puan Mariam binti Abdullah (Ketua Program Perkhidmatan Bangunan), Dr. Siti Rashidah Hanum binti Abdul Wahab (Ketua Program Pengurusan Fasiliti) dan Puan Nur Aqila binti Kamarol Zamal (wakil Ketua Program Teknologi Berasaskan Kayu).

Pengerusi memaklumkan mengenai Dasar Pembangunan Polisi Kerajaan yang baharu dan mohon JKA ambil maklum mengenai perkara tersebut. Pengerusi juga membincangkan mengenai jumlah pelajar TBK yang semakin menurun kemasukannya, namun begitu dengan jumlah pelajar yang sedia ada membuktikan kursus tersebut masih relevan. Pengerusi juga membincangkan mengenai status jurutera professional. Puan Nor Masita binti Sulaiman selaku Penyelaras Pembangunan Profesionalisme berkata bahawa perkara ini sudah dibincangkan dan diambil maklum tetapi sangat terikat dengan pekeliling-pekeliling tertentu yang melibatkan penjawat awam.



Agenda lain yang dibincangkan adalah berkaitan pusat akreditasi untuk program BFM dan penjenamaan program Teknologi Berasaskan Kayu. Selain itu, Ketua Jabatan memaklumkan 4 program berimpak tinggi yang dirancang JKA iaitu :

- i. Program pengantarabangsaan pelajar BFM ke Universiti Teknologi Brunei, tarikh yang dicadangkan ialah 11 Mac 2020- 14 Mac 2020.
- ii. Mobiliti pelajar ke Politeknik Negeri Malang, Indoenisia, tarikh yang dicadangkan ialah 28 Jun 2020 – 5 Julai 2020 melibatkan 2 orang pensyarah dan 10 orang pelajar merentas semua program.
- iii. International Conference for Wood and Furniture, semua sub bidang yang merentasi TVET boleh menyertainya dan tarikh cadangan persidangan ini ialah pada 6 Oktober 2020.
- iv. Projek mega IBS Timber Project, tarikh yang dicadangkan adalah dari Januari – April 2020.

Projek ini masih dalam proses kelulusan dari PBT dan beberapa agensi berkaitan. PSA akan berkerjasama dengan MTIB yang menyumbang dana sebanyak RM50000.00. Mesyuarat ini telah mendapat pelbagai idea, nasihat dan cadangan kepada JKA. Keputusan mesyuarat ini akan diketengahkan kepada pihak pengurusan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah untuk digunakan dalam perancang aktiviti dan program di masa akan datang.





Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Jabatan Perdagangan (JPG)

Oleh : Sa'adah binti Mohd Hisam

21 Julai 2020 - Jabatan Perdagangan (JPG) telah mengadakan Mesyuarat Penasihat Akademik Industri Bil 1/2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, PSA. Mesyuarat ini merupakan medium interaksi antara penyarah JPG dan penasihat Industri bagi memantapkan keperluan pelajar JPG. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 14 wakil dari 12 industri iaitu Encik Hasri Hamidan (Malaysian Insurance Institute), Kapten (B) Norisham Kadmin (UA Sham Resources), Puan Nor Iffah Mohd Taib (DJE Creative), Encik Zainal Akla Shamsudin (AKLA Services Sdn Bhd), Encik Azizan Baharom (Kelab Tasik Putrajaya), Encik Tengku Sharimi Tuan Ismail (MyMydin), Encik Nazdrin Azri Nor Azmi (Lustrous Management), Encik Mohd Haziman Ashri (MIDA Selangor), Encik Hafizi Omar (Al Isra' Associates Shah Alam Sdn Bhd), Encik Zulmajdi Omar (Al Isra' Associates Shah Alam Sdn Bhd), Encik Azrul Helmy Hafiz Ab Malek (Cervello Tres Sdn Bhd), Encik Arham Zaini Md Zain (Principal Re Limited), Puan Amalia Abu Bakar (Principal Re Limited) dan Puan Shara Zuhaney Ahmad (RD Beauty).



Mesyuarat ini didahului dengan pengenalan oleh Ketua Jabatan, Puan Nor Zarina Pitdin yang menerangkan fungsi, peranan, objektif, strategi dan 4 teras *Way Forward* yang diperkenalkan oleh JPG. Ketua Jabatan juga menggariskan pencapaian yang telah diperolehi JPG sepanjang 2018 - 2020. Antara isu - isu yang dibincangkan adalah tahap kebolehpasaran pelajar JPG. Encik Hasri Hamidan menyatakan bahawa industri perlu bangun membantu pelajar dengan menyediakan lebih banyak ruang latihan industri kerana graduan dilihat kurang bersedia untuk alam pekerjaan. Di samping itu, untuk menggalak pendedahan pelajar ke dunia pekerjaan, Encik Nazdrin Azri Nor Azmi mencadangkan agar diwujudkan penilaian praktikal bersama industri melalui pelaksanaan projek dan simulasi. Puan Nor Iffah Mohd Taib yang melihat dari konteks keusahawanan menyatakan bahawa pelajar perlu didedahkan dengan bengkel, kursus dan karnival keusahawanan bagi membolehkan objektif penerapan nilai keusahawanan lebih mudah dicapai. Isu ini dipersetujui oleh Kapten (B) Norisham Kadmin yang mencadangkan antara langkah lain yang boleh dilakukan adalah dengan menjalankan program anak angkat bersama peniaga lama. Jalinan melalui program anak angkat ini membolehkan pelajar membantu peniaga ini celik IT melalui perkongsian ilmu keusahawanan digital.



SEMINAR DAN BENGKEL



Simposium Pengkomersilan Politeknik dan Kolej Komuniti Peringkat Kebangsaan Bagi Zon Tengah (SIPPKO 2020)

Oleh: Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

Pusat Penyelidikan dan Inovasi PSA (CRI) telah berjaya menganjurkan Simposium Pengkomersilan Peringkat Kebangsaan bagi zon tengah pada 3-4 Mac 2020 bertempat di PSA dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. Majlis perasmian dan penutup disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik PSA, Dr. Hj. Norhayati binti Ibrahim. Sebanyak 16 produk komersil telah dibentangkan oleh pegawai komersil di peringkat zon tengah. Pengkomersilan didefinisikan sebagai produk yang berkualiti dan mempunyai status pemilikan Harta Intelek serta merupakan hak milik institusi yang boleh menjana pendapatan berterusan. Produk komersil boleh didapati daripada produk hasil inovasi pensyarah/pelajar, dana dan geran penyelidikan. Selain daripada itu, produk inovasi yang mendapat pengiktirafan dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga boleh dikomersilkan. Tahniah PSA kerana telah berjaya menganjurkan program ini dan sekalung penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Simposium kerana menjayakan program ini dengan baik.



Sesi perkongsian ilmu pengkomersialan yang disampaikan oleh En. Saifulnizam bin Zakariah, pensyarah Politeknik Melaka.



Barisan Pegawai Komersil Peringkat Zon Tengah yang diketuai oleh Dr. Ishak bin Mohammad, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (UPPKK).

PSA Anjur Seminar Calibration Certificate Review & Analysis

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd Amin

Pada 9 January 2020, CMET telah menganjurkan Seminar *Calibration Certificate Review & Analysis*. Seminar ini bertujuan untuk berkongsi ilmu mengenai prinsip asas metrologi dan keperluan terkini ISO 17025 versi 2017 berkaitan 'conformity statement'. Melalui seminar ini peserta diberi pendedahan mengenai maklumat penting yang tertera di sijil kalibrasi dan cara penggunaannya. Seminar ini juga dapat mempromosikan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh PSA seperti program latihan khusus bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja, di samping dana penyelidikan Public Private Research Network (PPRN) yang ditawarkan oleh KPT kepada industri bagi meningkatkan produktiviti industri.

Sejumlah 50 orang peserta telah menghadiri seminar ini. Peserta seminar ini terdiri dari industri penjagaan kesihatan Malaysia. Program sehari ini telah dirasmikan oleh Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari Bin Ismail. Selain ceramah, peserta juga telah dibawa melawat ke Makmal Kalibrasi CMET.



Peserta seminar Calibration Certificate Review & Analysis dari industri penjagaan kesihatan Malaysia.

'Academic success depends on research and publications.'

Philip Zimbardo



Ucapan perasmian oleh Tuan Pengarah PSA




Lawatan peserta seminar ke Makmal Kalibrasi CMET.

Warga JMSK Komited Sertai Bengkel Kecemerlangan Akademik

Oleh : Sarizun binti Mohamad Sidek

Pada 29 Januari 2020, Jabatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK) telah mengadakan bengkel bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Proses ini penting bagi memastikan semua pensyarah JMSK mendapat maklumat jelas mengenai perancangan dan proses-proses kurikulum dalam PdP bagi setiap semester. Bengkel ini telah berlangsung di Pusat Link JMSK yang dikendalikan oleh Puan Nariman binti Hj. Daud dan Puan Sarizun binti Mohamad Sidek. Kesimpulannya, pensyarah JMSK dapat menyediakan bahan-bahan untuk persediaan PdP untuk setiap kursus mengikut perancangan. Ini termasuklah maklumat perancangan kursus, bahan digital dan soalan-soalan Penilaian kerja Kursus.



Bengkel dikendalikan oleh Fasilitator Puan Herliana dari e-learning PSA.



PSA Membudayakan Pembelajaran Melalui CIDOS

Oleh : Sarizun binti Mohamad Sidek

JMSK komited menganjurkan Bengkel CIDOS LMS 3.5 bagi mencapai hasrat PSA ke arah e-learning. Bengkel ini telah dijalankan pada 7 Januari 2020 lepas bertempat di Makmal *E-Learning* PSA. Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Herliana Hassan dari Pusat Teknologi Multimedia, PSA. Objektif bengkel ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah tentang pengaliksaan CIDOS *e-Learning* versi LMS 3.5 didalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang akan membantu para pelajar dan pensyarah dalam menjalankan aktiviti seperti muat turun nota kuliah, kuiz serta tugas *online*.



Platform kursus dalam CIDOS yang dibina untuk JMSK


Kursus Teknikal & Kepengadilan Sukan Woodball 2020

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Tahniah kepada 2 orang staf (pemain Woodball) PSA iaitu Dr. Hj. Zunuwanas bin Mohamed dan Encik Ishak bin Hasan kerana telah berjaya dan tamat menyertai Kursus Teknikal dan Kepengadilan Sukan Woodball 2020. Kursus ini anjuran Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM) dan telah berlangsung di Kolej Komuniti Kuala Rompin, Pahang pada 27-28 Februari 2020. Semoga ilmu yang diperolehi dapat dikongsi melalui PKAT Woodball Politeknik Malaysia (PSA) dalam melahirkan atlet dan masyarakat yg meminati sukan woodball. *Road To World Cup Woodball Championship 2020.*



Kursus Teknikal dan Pengadilan Sukan Woodball yang diadakan di Kolej Komuniti Kuala Rompin, Pahang.



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Vokasional Sepang (KVS) Jalin Hubungan Dengan Majlis Perwakilan Pelajar PSA

Oleh : Muhammad Shahrulazmi bin Hashim

05 MAC 2020 - Lawatan penanda aras dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Vokasional Sepang (KVS) ke PSA merupakan satu permulaan bagi pengurusan dan pengoperasian perjalanan aktiviti MPP yang sistematik di KVS. Tujuan lawatan ini adalah untuk saling berkongsi idea bagi menambahbaik pengurusan MPP di institusi mereka. Lawatan ni telah melahirkan hubungan ukhwa antara peserta yang hadir dengan pihak MPP PSA. Pihak Jabatan Hal Ehwal (HEP) PSA mengucapkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kerana dipilih sebagai contoh model dalam pelaksanaan aktiviti MPP di KVS.



SELAMAT DATANG KE
MULAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PSA



Lawatan pelajar ke PSA bagi tujuan menambah baik pengurusan aktiviti MPP di Kolej Vokasional Sepang, Selangor.

Pensyarah JKM Teruja Hadiri Bengkel Penulisan Jurnal

'A day of bad writing is always better than a day of no writing.'

Don Roff

Oleh : Dr. Siti Khalijah Binti Jamal

Bengkel Penulisan Jurnal Jabatan Kejuruteraan Mekanikal 2020 telah diadakan pada 23 Jun 2020 bertujuan untuk mentransformasikan kajian akademik dan projek inovasi pensyarah kepada penulisan jurnal ilmiah bagi memupuk budaya penyelidikan, inovasi dan penulisan mengikut bidang kepakaran masing-masing. Idea untuk menganjurkan Bengkel Penulisan Jurnal Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Siri 1-2020 bukan sahaja untuk memastikan kesinambungan amalan inovasi di kalangan perkhidmatan awam tetapi juga untuk mencapai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Program ini dijalankan dalam bentuk bengkel dan mentoring sebagai landasan perkongsi idea dan kepakaran penulisan bersama rakan sejawat. Penganjuran bengkel ini menyediakan platform /memerlukan peserta program untuk membentangkan dan menerbitkan kertas kajian ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa di dalam jurnal berwasit untuk memperkembang luaskan idea baru dan kajian kakitangan PSA ke tahap yang lebih tinggi.



Bacaan doa oleh Dr. Mohd Elias Daud.



Taklimat Penulisan Jurnal disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik Dr. Norhayati binti Ibrahim.



Program ini telah berjaya mengorak langkah ke arah memupuk budaya menjalankan kajian, penciptaan inovasi dan penulisan ilmiah di kalangan staf JKM bagi mencapai tahap profesionalisme pendidikan TVET yang tinggi. Selain itu, program ini berhasrat menyuburkan penulisan ilmiah di kalangan kakitangan JKM bagi mencapai keperluan KPI Individu (staf) dan Institusi Pendidikan (PSA). Kekuatan pensyarah JKM dalam memperkembang luaskan kajian dan inovasi melalui pembentangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dapat membangun rangkaian strategik untuk pendekatan perkongsian pintar melalui kerjasama dengan agensi di kementerian termasuk institusi pendidikan tinggi, pertubuhan bukan kerajaan, industri, institusi swasta di peringkat tempatan dan antarabangsa melalui persidangan yang disertai.

Academic success depends on research and publications.'

Philip Zimbardo

PEMBANGUNAN INSTITUSI DAN STAF

PSA Komited Bangunkan Projek Big Data Melalui Kunjungan Ke SMART Selangor Delivery Unit (SSDU)

Oleh: Norhayati binti Majid

Center of Multimedia Technology (CMT) akan membangunkan projek *Big Data*. Justeru pada 19 Februari 2020, Pengurusan Tertinggi PSA telah berkunjung ke SMART Selangor Delivery Unit (SSDU) yang terletak di Bangunan Plaza Perangsang, Shah Alam bagi meninjau projek serupa yang telah dilaksanakan di situ. Kunjungan ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan kerjasama antara kedua-dua Jabatan terutamanya dari sudut pengurusan maklumat. Selain itu PSA berhasrat untuk mendapat nasihat dan pandangan berkaitan pengurusan 'Big Data' analitik yang telah dilaksanakan oleh SSDU. Seramai 12 orang pengurusan Tertinggi telah mengikuti lawatan yang berlangsung selama setengah hari ini. Kunjungan ini disambut oleh Pengarah Urusan SSDU iaitu Dr. Fahmi Ngah yang telah memberikan taklimat berkaitan Big Data yang dilaksanakan di SSDU. Selain taklimat, delegasi PSA telah berpeluang melihat *SMART Waste Management Dashboard* iaitu pengurusan maklumat berkaitan pengurusan sisa di Selangor.



Lawatan ke bahagian *SMART Waste Management Dashboard*.



Delegasi PSA yang menyertai kunjungan ke SMART Selangor Delivery Unit.



Perbincangan bersama Dr. Fahmi Ngah, Pengarah Urusan SMART Selangor Delivery Unit.



Sesi pertukaran cenderahati dan tanda terima kasih atas kunjungan.

Peningkatan Professionalisma JKE

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd Amin

20 Februari 2020 - JKE telah mengadakan lawatan ke Kedah Industrial Skill and Management Development Centre (KISMEC) yang terletak di Kulim Kedah. Lawatan ini sangat memberi manfaat dan menambahkan ilmu pengetahuan dalam mempelajari sistem pengurusan makmal *Centre of Technology (CoT)*. Lawatan ini memberi peluang kepada pensyarah bidang elektronik perubatan untuk mempelajari teknologi terkini yang digunakan dalam bidang imaging bagi keperluan pengajaran mereka. Selain itu JKE juga berhasrat menjalin hubungan kerjasama bersama KISMEC melalui ikatan Kolaborasi Strategik.

Hasil lawatan ini peserta dapat memperluaskan pengetahuan berkaitan teknologi terkini, selaras dengan kehendak industri dan melihat infrastruktur KISMEC yang akan digunakan untuk kursus yang bakal dianjurkan untuk pelajar dan pensyarah. PSA juga dapat menjalin hubungan kerjasama bersama industri di sekitar Kulim Hi-Tech. Akhir sekali lawatan ini juga untuk memastikan PSA dapat menjalankan hubungan luar dengan industri bagi mencari peluang kerjaya untuk pelajar yang bakal bergraduasi nanti.



Lawatan akademik untuk melihat teknologi terkini dalam bidang pengimejan di KISMEC, Kedah.

Team Building Pengurusan Tertinggi PSA

Oleh : Hjh. Julia binti Marjuki

Pada 24-26 Februari 2020, Pengurusan Tertinggi PSA telah menghadiri Kursus Team Building di Teluk Tempoyak, Bayan Lepas bagi membina dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan Pengurusan Tertinggi PSA. Kursus ini juga bertujuan untuk memupuk semangat kepimpinan bagi melahirkan lebih ramai pemimpin masa hadapan untuk menerajui peringkat pengurusan yang lebih tinggi. Dalam pada itu melalui sesi lawatan yang dibuat, peserta telah mendapat pendedahan untuk melihat pengurusan dan gerak kerja agensi serta industri dengan lebih dekat dan membuka ruang kolaborasi antara dua pihak. Antara modul yang diketengahkan dalam kursus ini ialah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) berjudul Passionate, Synergize and Agile. Melalui modul ini, Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail telah berkongsi aspirasi beliau bagi merealisasikan ungkapan tersebut. Selain itu melalui modul Personality and Leadership, Tuan Pengarah PSA menekankan ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan oleh organisasi bagi memastikan organisasi mencapai indikator yang ditetapkan. Dengan itu diharapkan ilmu dan pengalaman yang dikutip melalui kursus ini dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan bagi menyerlahkan kegemilangan PSA.



Lawatan Kerja Meninjau Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) di USM

Oleh : Salhana binti Salehudin

26 Februari 2020 – Seramai 12 kakitangan Pengurusan Tertinggi PSA telah mengadakan lawatan kerja ke Centre for Development of Academic Excellent, USM. Kedatangan delegasi PSA telah disambut oleh Prof. Madya Azidah binti Abu Ziden. Beliau banyak berkongsi maklumat tentang pelaksanaan e-pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh USM. Perkongsian ilmu yang disampaikan oleh beliau telah memberi semangat kepada Pengurusan Tertinggi PSA dalam melaksanakan pelbagai inisiatif serupa untuk dilaksanakan di PSA.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk melihat pelaksanaan instruksional dan e-pembelajaran di USM. Selain itu, lawatan ini juga ingin melihat fasiliti yang digunakan bagi pelaksanaan e-pembelajaran di sana. Seterusnya Pengurusan Tertinggi PSA ingin mengetahui dengan lebih dekat kaedah yang digunakan oleh USM dalam membudayakan e-pembelajaran di kalangan semua staf akademik.

Melalui lawatan kerja ini, Pengurusan Tertinggi PSA dapat melihat penerapan budaya e-pembelajaran di kalangan staf akademik USM adalah melalui pelbagai inisiatif seperti melaksanakan kursus pedagogi yang berpusatkan pelajar, kursus pengisian teknologi e-pembelajaran dan sesi perkongsian kaedah e-pembelajaran oleh staf akademik yang cemerlang menggunakan PdPDT. Sebagai makluman Centre for Development of Academic Excellent, USM ini terbahagi kepada 3 unit utama iaitu Academic Excellent Development, Student Advisory & Development dan Academic Integrity Unit (Innovative Teaching Learning). Academic Excellent Development memfokus kepada pembangunan staf akademik dengan memastikan teknologi e-pembelajaran dikuasai sebelum pengesahan jawatan. Mereka digalakkan untuk menggunakan platform e-pembelajaran USM yang diintegrasikan bersama aplikasi Webex atau Zoom. Manakala, Student Advisory and Development bertanggungjawab membantu pelajar yang mendapat CGPA di bawah 2.0. Pelajar dibantu dengan mengadakan program khusus dalam memastikan mereka tidak ketinggalan dalam e-pembelajaran. Academic Integrity Unit (Innovative Teaching Learning) memastikan teknologi e-pembelajaran terkini digunakan oleh semua staf akademik dengan membuat pemantauan secara dalam talian. Kesimpulannya, perkongsian ilmu yang diberikan telah membuka minda dan memberi idea kepada Pengurusan Tertinggi PSA untuk melaksanakan pelbagai inisiatif e-pembelajaran di PSA.

Lawatan Kerja Ke Penang Skills Development Centre (PSDC) Buka Ruang Kolaborasi Impak Tinggi

Oleh : Ahmad Aftas bin Azman

25 Februari 2020 – Pihak pengurusan tertinggi PSA yang di ketuai oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail telah mengadakan lawatan ke Penang Skills Development Centre (PSDC) yang terletak di kawasan bebas cukai Pulau Pinang. PSDC adalah suatu nama besar di utara tanahair yang telah ditubuhkan pada tahun 1989. Ia merupakan sebuah pusat latihan dan pendidikan kemahiran yang diterajui oleh gabungan industri di Malaysia. Sedari awal penubuhannya, PSDC telah berkembang secara fenomena dalam merealisasikan sumber manusia bagi keperluan industri. Ia telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai institusi tersohor dalam melahirkan sumber manusia terhadap industri. Pada tahun 2016, PSDC telah melaksanakan inisiatif Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi mendukung fasa baru revolusi industri di Malaysia.



Lawatan kerja yang diadakan bertujuan melihat pelbagai teknologi terbaharu yang terdapat di industri pada masa kini. Dalam pada itu, diadakan juga perbincangan ke arah kolaborasi strategik di antara PSA dan PSDC. Antara manfaat yang bakal diperoleh ialah mewujudkan peluang kepada tenaga pengajar dan juga pelajar PSA bagi menjalani kursus yang ditawarkan oleh pihak PSDC. Impak positif daripada lawatan singkat ini, selain dapat membuka ruang kolaborasi strategik antara dua organisasi, PSA juga mempelajari teknologi terbaharu di industri terutamanya dalam bidang automasi, internet of things dan IR 4.0. Secara keseluruhannya, selain dari memperkukuhkan hubungan luar antara PSA dengan pihak industri, inisiatif ini juga mampu memberi peluang kerjaya yang lebih luas kepada para graduan dan pelajar PSA yang akan menjalani latihan praktikal sebelum menamatkan pengajian mereka. Semoga kolaborasi ini dapat diteruskan ke arah melahirkan graduan yang dinamik, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri masa kini.



Lawatan Rasmi Ke Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI), USM

Oleh : Dr. Hasmawi bin Khalid

Pada 26 Februari 2020, Pengurusan Tertinggi PSA telah mengadakan lawatan rasmi ke Bahagian Teknologi Biosumber, Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI), USM bagi membincangkan kerjasama dua hala di antara PSA dan USM terutama berkaitan peluang pelajar Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK) untuk menyambung pengajian di USM. Delegasi dari PSA yang diketuai oleh Dr. Hasmawi bin Khalid (Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam), Pn. Salhana binti Salehudin (Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal), Dr. Ahmad Aftas bin Azman (Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer), Dr. Bibie Sara binti Salleh (Ketua Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) serta En. Abdul Sharif bin Abd Kadir (Ketua Unit Komunikasi Korporat).

Pihak Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI), USM yang diketuai oleh PM Dr. Yusri Yusup (Timbalan Dekan Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa), Dr. Leh Cheu Peng (Ketua Program Teknologi Biosumber, Pulpa dan Penglitup), Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly, Profesor Dr. Baharin Azahari, Dr. Mazlan Ibrahim, Dr. Nur Izzaati Saharudin serta beberapa orang lagi pegawai daripada PPTI telah menyambut baik delegasi dari PSA. Beberapa orang pelajar USM yang merupakan Alumni PSA juga telah dijemput bersama-sama dalam program tersebut.



Satu perbincangan dua hala telah diadakan bagi membincangkan isu-isu terutama berkaitan peluang menyambung pengajian yang disediakan oleh pihak USM kepada pelajar-pelajar PSA. Isu Credit Transfer, Credit Exemption (CTCE) juga telah disentuh dalam perbincangan tersebut. Pihak USM memohon agar PSA menjadi feeder kepada Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Keujian Biosumber. Selain itu, perbincangan berkaitan program mobiliti pelajar dan pensyarah, guna sama fasiliti, penyelidikan dan penulisan kertas penyelidikan serta penganjuran seminar secara bersama juga telah dicadangkan untuk dibincangkan lebih lanjut melalui perjumpaan susulan akan diadakan selepas lawatan ini.

Lawatan ini telah membuka lembaran baharu terutamanya kepada PSA yang sedang giat meningkatkan bilangan kolaborasi aktif terutamanya bersama Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Diharapkan kerjasama di antara PSA dan USM ini dapat direalisasikan demi kelestarian pendidikan tinggi di negara ini.

PANDEMIK COVID-19



PSA Jadi Pusat IPTA/IPTS Pulang Zon Tengah

Oleh : Hj. Jasni bin Mohd Noor

Negara amnya sedang bergelut dengan pandemik Covid-19. Justeru bulan Ramadhan kali ini memang berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Walaupun situasi Covid-19 amat membimbangkan semua pihak, amanah terhadap negara terus dijaga. Pasukan Bertindak Covid-19 PSA telah membuat penghantaran pulang pelajar IPTA/IPTS Zon Tengah. Penghantaran pulang ini menggunakan bas jabatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang telah ditetapkan.

Pelajar dari universiti awam, swasta, politeknik dan kolej komuniti telah dikumpulkan di Kolej Kediaman PSA sebelum dihantar pulang ke daerah masing-masing. Pasukan Pengurusan Kolej Kediaman turut bertungkus lumus bagi memastikan kebajikan pelajar terlibat dengan menyediakan bilik kepada mereka sementara menunggu waktu berlepas. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya Puan Zalina binti Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik yang mengetahui operasi ini.

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) Mainkan Peranan Penting Semasa PKP

Oleh : Asmira bin Ashari

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) telah memainkan peranan yang penting dalam penyediaan *Standard Operation Procedure* (SOP) PSA dalam menangani penularan Covid-19. SOP yang dikeluarkan adalah merujuk kepada garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Norma baru yang digariskan bukan hanya melibatkan penandaan persekitaran fizikal malah turut menggariskan kaedah terbaik bagi pelaksanaan mesyuarat dan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan pendedahan risiko yang minimum. Setelah mendapat persetujuan pihak Pengurusan Tertinggi PSA dan membuat beberapa penambahbaikan, SOP ini telah di maklumkan kepada semua warga PSA melalui pelbagai media dan taklimat yang berkesan sebelum penguatkuasaan SOP dilaksanakan. Dari sudut fizikal, PSA telah melaksanakan penandaan yang bersesuaian dengan amalan norma baru. Walau bagaimanapun, komitmen semua pihak terus dituntut untuk memberi perhatian terhadap pematuhan kepada amalan iaitu amalkan 3W elakkan 3S dan 3C.

"3W adalah kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), memakai pelitup separuh muka ditempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan sentiasa peka kepada amaran/peringatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (*Warn*). Peringatan itu termasuklah elak bersalaman dan bersentuhan, amalkan etika batuk dan bersin, dapatkan rawatan segera sekiranya bergejala, duduk di rumah serta elakkan amalan kunjung mengunjung. Elakkan 3S/3C adalah jauhi kawasan yang sesak (*Crowded Place*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined Space*) dan elak sembang dengan jarak yang dekat. Selain itu, ingatlah kepada S.O.P. S ialah syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (Bersyarat/Pemulihan/Diperketatkan). O pula orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak bayi, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) perlu dilindungi. Individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan. P pula ialah penjarakan sosial perlu diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Komitmen daripada semua pihak daripada Pengurusan Tertinggi dan semua kakitangan di jabatan/pusat/unit amat dihargai. PSA telah membuat pelbagai persediaan menghadapi situasi pandemik ini. S.O.P telah dapat disediakan dan PSA telah bersedia untuk beroperasi seperti yang diarahkan oleh JPPKK. Amalan dan norma baharu telah dilaksanakan oleh warga PSA dengan pemantauan pematuhan dari semasa dan ke semasa telah dipraktikkan. S.O.P ini bukan hanya disasarkan kepada warga PSA tetapi termasuk juga kepada pelawat dan pekerja kontrak yang memasuki PSA.



Proses penandaan JSSK



Pemantauan AMT



Bilik Kuliah



Pusat Islam



Klinik Kesihatan



SOP memasuki PSA pekerja kontrak



Operasi Sanitasi oleh Bomba Shah Alam

Oleh : Rohana binti Khalid

Jabatan Pentadbiran telah bekerjasama dengan Unit keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) PSA untuk mendapatkan perkhidmatan operasi sanitasi atau nyah cemar di kawasan dan premis PSA pada 22 Jun 2020. Operasi ini di ketuai oleh Timbalan Penguasa Bomba II Ahmad Subhaan Mohamed, Ketua Balai Bomba Shah Alam bersama dengan 25 orang anggotanya. Mereka telah melakukan operasi nyah cemar ini di semua premis yang ada di PSA terutamanya ke kawasan yang paling sering disentuh manusia seperti di dewan, makmal, bengkel dan pejabat. Antara kawasan yang dinyah cemar ialah Dewan Al-Jazari, Jabatan Pentadbiran, dan semua jabatan induk. Terima kasih Bomba Shah Alam atas bantuan ini.



Proses sanitasi oleh Bomba di Makmal JKM.



Amalkan penjarakan sosial kepada semua warga PSA.

Pemantauan Pengurusan Tertinggi di JKM Untuk Menerima Kemasukan Pelajar Baru

Oleh : Asmira bin Ashari


Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah melaksanakan gotong royong di seluruh kawasan jabatan sebagai persiapan menerima pelajar sesi Jun 2020. Keutamaan kerja yang dibuat ialah memasang penandaan dan tunjuk arah keselamatan dalam mengekang penularan wabak Covid-19. Tatacara pemasangan tunjuk arah mengikut spesifikasi yang digariskan oleh pihak KKM dibuat oleh Encik Asmira bin Ashari, Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSA. Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj Mohd Zahari bin Ismail, turut turun padang melawat kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak jabatan.



Norma Baharu PDP Melalui Kursus Utama Pembelajaran Digital PSA

Oleh : Mohd Hanif bin Selamat

Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia dan Unit E-Learning telah mengadakan beberapa sesi perkongsian ilmu kepada pensyarah PSA. Antara kursus teknologi pembelajaran digital yang dilaksanakan ialah kursus Slide Interaktif dan kursus asas Microsoft Teams Siri 1. Pada 23 sehingga 25 Jun 2020 telah diadakan Kursus Slide Interaktif. Objektif kursus ini untuk memberi latihan kepada pensyarah tentang penggunaan *Open Broadcating Software*, *Animasi Powton*, *Power Point* dan *Ispring*. Sambutan yang diterima amat memberangsangkan dengan kehadiran lebih 80 orang pensyarah dari semua jabatan akademik. Semoga perkongsian ini dapat dimanfaatkan oleh pensyarah dalam menghasilkan bahan Pdp digital dalam suasana norma baharu pendidikan pasca Covid-19.



Perhimpunan Staf Bil.2/2020 Dengan Norma Baharu Anjuran Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd Amin

Pada 5 Jun 2020, PSA telah menganjurkan Perhimpunan Bulanan secara atas talian menggunakan aplikasi Cisco Webex Meeting. Majlis ini dikelolakan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan dihoskan oleh Ustaz Khairul Napisham bin Abd. Razak. Perhimpunan ini bertujuan membolehkan pihak pengurusan dapat menyampaikan amanat dan maklumat semasa walaupun negara dilanda pandemik Covid-19. Perhimpunan bulanan ini tentunya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara kakitangan walaupun negara masih di dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Semua staf adalah dimohon memuat turun aplikasi ini untuk turut serta berhimpun secara atas talian. Pensyarah dan staf yang menghadapi masalah dengan aplikasi ini, boleh mengikuti majlis ini melalui Facebook PSA di www.facebook.com/pssaas. Secara keseluruhannya, kehadiran staf ke Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.02/2020 adalah sebanyak 89.3% iaitu 369 orang dari 413 orang staf PSA.

Antara agenda utama perhimpunan staf kali ini adalah taklimat oleh Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) PSA yang disampaikan oleh En. Asmira bin Ashari. Taklimat SOP telah diberi bagi memastikan kakitangan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Agenda diteruskan dengan taklimat Pendekatan Pengajaran & Pemudahcaraan (PdPc) oleh Timbalan Pengarah Akademik PSA, Dr. Hj. Norhayati binti Ibrahim. Taklimat beliau merangkumi Strategi PdPc, pelaksanaan Work Based Learning dan Latihan Industri. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020 kecuali praktikal yang secara bersemuka bermula Oktober 2020. Keutamaan perancangan dan pendekatan PdPc semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah untuk menyokong usaha kerajaan dalam mengoptimumkan penjarakan sosial dan memutuskan rantai jangkitan dalam membendung penularan sepenuhnya Covid 19, memastikan kelangsungan kemajuan pengajian pelajar dan memelihara kualiti pengajian bagi memastikan kepentingan peluang pelajar dalam prospek kerjaya pada masa akan datang.



Taklimat PDPC dan pelaksanaan WBL dan latihan industri oleh Dr. Hajah Norhayati binti Ibrahim TPA, PSA.



Sesi ramah mesra Pengarah, TPA dan TPSA dengan warga PSA secara virtual atas talian.

Seterusnya Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail meneruskan agenda perhimpunan dengan mengalu-alukan semua staf yang telah kembali ke stesen masing-masing bagi membolehkan kembali bertugas di PSA dan mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri 1441H dengan norma baharu kepada semua staf PSA dan Kolej Komuniti Shah Alam. Tema Perhimpunan Bulanan kali ini ialah 'Raya Tetap Raya'. Kita telah menyambut Hari Raya dengan kelaziman baru seperti sambutan raya dalam jumlah yang kecil iaitu kurang dari 20 orang. Kita juga akur dengan arahan kerajaan agar sentiasa memakai pelitup muka, kerap basuh tangan, dan melakukan penjarakan sosial. Semua warga diharapkan mengikuti amalan yang ditetapkan oleh KKM dalam mengekang penularan Covid-19. Kita telah berjaya mengawal penularan berbanding sebahagian negara lain.




AJK Perhimpunan Bulanan Staf Bil2/2020.

Sehubungan itu beliau terus mengingatkan staf untuk terus kekal patuh dengan arahan KKM dan lain-lain badan berautoriti bagi memastikan hasrat ini tercapai. Kita juga perlu lebih sensitif terhadap arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari masa ke semasa. Tahniyah kepada KKM dan terima kasih kepada petugas barisan hadapan negara yang bertungkus lumus menjaga keselamatan negara.

Tuan Pengarah juga telah menerangkan senario luaran yang memberi impak kepada PSA iaitu pada 9 Mac 2020, Kementerian Pendidikan telah dipecahkan kepada 2 kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Struktur pentadbiran di kedua-dua belah kementerian juga berubah. Perubahan ini turut memberi kesan seperti urusan kewangan dan urusan pentadbiran yang membawa kepada sedikit kelewatan. Justeru kita perlu cepat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa ini. JPPKK sendiri mengalami perubahan iaitu dengan perlantikan Dr Mohd. Rashahidi@Rusdi bin Mohamad Rashidi sebagai Pengarah Kanan (Akademik) menggantikan sebagai Puan Zainab Binti Ahmad yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JPPKK.

Kita sedang dalam tempoh transisi untuk kembali kepada keadaan asal. Kita menghadapi beberapa perkara yang perlu kita ambil pengajaran. Beberapa Fasa PKP yang kita lalui dari Fasa 1 hingga Fasa kelima yang dikenali sebagai PKPB. Bersama-sama kita doakan agar Fasa 5 ini menjadi menjadi fasa peralihan bukan sahaja kepada PSA malah kepada seluruh Malaysia agar pulih dari pandemik ini. Jumlah kes baru semalam ialah 277 kes, walaupun KKM mensasarkan angka kes baru turun kepada 2 digit. Berbanding dengan negara jiran seperti Singapura lain-lain negara Asean, jumlah jangkitan di negara kita masih kecil. Walau bagaimanapun kita tidak boleh memandang ringan akan perkara. Kita perlu terus berusaha agar angka penularan Covid-19 ini terus menurun.



Sebahagian warga PSA semasa sesi ramah mesra secara atas talian.



Tenaga kerja dari Unit ICT yang bertungkus lumus bersama Unit CMT bagi melancarkan majlis secara atas talian buat julung-julung kali.



AMP dan AMT PSA yang turut hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan Staf Bil 2/220. SOP penjarakan sosial dipatuhi.



Selain itu beliau turut mengingatkan semua staf untuk mencukupkan bilangan kursus masing-masing. Bagi kakitangan akademik jumlah yang diperlukan ialah 7 hari manakala bukan akademik 5 hari. Sejumlah 56 peratus staf telah melebihi 7/5 hari berkursus. Beliau juga turut mengumumkan 32 staf yang memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 dengan nama penerima diketuai oleh Dr. Hj. Norhayati binti Ibrahim.

Sebelum menutup bicara, Tuan Pengarah juga menarik perhatian staf agar sentiasa mematuhi kempen Covid19 yang dijalankan oleh UKKP dan KKM. Beliau juga memaklumkan semua staf telah siap penyediaan SKT Pringkat Pertama dan pada tahun ini SKT akan dimurnikan dengan memfokus kepada 5 teras kecemerlangan. Sepanjang tempok PKP staf perlu mengikuti latihan online seperti dalam laman web Institut Tadbiran Awam Negara. Keahlian Kelab Kebajikan PSA bermula 1 Julai 2020 adalah wajib kepada semua staf. Ucapan syabas dan tahniah kepada JKE yang telah berjaya menganjurkan perhimpunan bulanan kali ini. Ucapan beliau diakhiri dengan 2 rangkap pantun 4 kerat :

Mak Cik Kiah duduk di atas rakit,
Bawa bersama pudding roti,
Corona Virus, boleh berjangkit,
Semoga kita berhati-hati.

Minum air dalam gelas,
Air minuman berwarna biru,
Gara-gara Covid Sembilan belas,
Mari kita amalkan, normal baharu.

Inilah antara intipati ucapan Tuan Pengarah dan dalam Perhimpunan bulanan kali ini yang tamat sekitar pukul 12.00 tengahari.



**Coming together is a beginning,
Staying together is progress,
And working together is success.'**

Henry Ford

PSA Sumbang PPE Untuk Barisan Hadapan Negara

Oleh : Dr. Mohd Elias bin Daud


PSA telah bertindak proaktif dalam membantu barisan hadapan negara dengan menyumbangkan sejumlah 3000 Alat Perlindungan Peribadi (PPE) Face Shield untuk kegunaan barisan hadapan negara. Sumbangan telah diserahkan kepada Medicom Malaysia, Hospital Sungai Buloh, HUKM, Hospital Serdang dan Angkatan Perkhidmatan Awam. Sumbangan ini dapat membantu petugas hadapan negara melalui bekalan tambahan PPE semasa pandemik Covid-19. Sejumlah 25 kakitangan dan 25 orang pelajar terlibat dalam operasi menyiapkan PPE ini dan seterusnya membekalkannya kepada penerima terlibat.



Wakil PSA menyerahkan sumbangan PPE kepada wakil Hospital Sungai Buloh.



Wakil PSA menyerahkan sumbangan PPE kepada wakil Medicom Malaysia.



Face shield yang dihasilkan sukarelawan PSA.



Penyerahan sumbangan PPE kepada Hospital Serdang.



Gotong royong membuat face shield oleh sukarelawan PSA.

GALERI

Demokrasi Terpimpin Melalui Pilihanraya Kampus

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Berlandaskan demokrasi dalam pemilihan Wakil Pelajar untuk menganggotai Majlis Perwakilan Pelajar, Pilihanraya Kampus telah berjalan secara lancar pada 8 Januari 2020 (Rabu) bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Dewan Al-Jazari, PSA. Seramai 24 orang calon telah bertanding bagi merebut Kerusi Umum. Bagi Kerusi Jabatan pula, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Awam telah menyaksikan pertembungan 6 dan 4 penjuror calon manakala bagi Kerusi Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Perdagangan pula menyaksikan pertembungan 7 penjuror calon. Selain menjalankan tanggungjawab membuang undi, para pelajar juga diberi peluang mengemaskini data dalam SPMP dan berpeluang untuk menderma darah kepada Pusat Darah Negara melalui kaunter yang disediakan.



Ahli Majlis Kepimpinan Pelajar 2020 bersama Pengurusan Tertinggi PSA.



Pelajar membuang undi secara atas talian di Dewan Al-Jazari bagi Kerusi Umum dan Kerusi Jabatan.



Pelajar tidak melepaskan peluang menderma darah di kaunter yang disediakan.

JKA Anjur Ceramah Tanah Runtuh

Oleh: Hazruwani binti Abdul Halim

Seramai 80 pelajar Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) telah mendapat pendedahan berkaitan kaedah terkini ramalan tanah runtuh melalui program Ceramah Ramalan Tanah Runtuh Dalam Negara. Ceramah ini berlangsung pada 13 Januari 2020 lepas bertempat di Dewan Kuliah Awam, JKA dan ia adalah sebahagian dari keperluan kursus Geoteknik untuk pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Semester 3. Prof. Dr. Roslan Zainal Abidin, Naib Canselor Universiti Nilai telah menyampaikan ceramah ini. Beliau adalah pakar tanah runtuh yang telah menjalankan banyak kajian berkaitan tanah runtuh di dalam negara. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Lebuhraya Malaysia di mana beliau berkongsi kepakaran dalam bidang tanah runtuh untuk pembinaan lebuhraya di Malaysia.

Melalui ceramahnya, Prof Dr. Roslan juga berkongsi jenis-jenis tanah runtuh, skala yang digunakan bagi meramal tahap tanah runtuh, serta kajian kes yang berkaitan tanah runtuh. Peluang berkongsi pengalaman dengan pakar tanah runtuh ini amat bermakna kepada setiap pelajar kerana dapat berinteraksi secara langsung dengan pakar yang terlibat dalam bidang ini.



Engineering Science, Computer Exhibition and Innovation 2020 (EMSCEI 2020)

Oleh : Sarizun binti Mohamad Sidek

EMSCEI 2020 kembali dianjurkan oleh Jaatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK). Aktiviti ini dianjurkan setiap semester untuk memberi peluang kepada semua pelajar kursus Sains Kejuruteraan, kursus Matematik Kejuruteraan dan kursus Aplikasi Komputer mempamerkan idea dan kreativiti masing-masing untuk diketengahkan dan dinilai oleh pihak juri dalam satu program pertandingan. Program ini dianjurkan pada 27 Februari 2020 yang lepas di Dewan Al-Jazari dan dirasmikan oleh Tuan Pengarah PSA. Antara pertandingan yang dianjurkan ialah Pertandingan Mini Projek Sains, *Computer 3 Minute Challenge* dan *Mathematics Challenge*.



Pertandingan Computer 3 Minute Challenge.



Perasmian Penutup Program EMSCEI 2020 oleh Pengarah PSA.



Pertandingan Mathematics Challenge.



Pertandingan Mini Projek Sains.

JMSK Anjur Lawatan ke Pusat Sains Negara

Oleh : Sarizun binti Mohamad Sidek

Seramai 40 orang pelajar dari pelbagai jabatan telah dibawa ke Pusat Sains Negara pada 20 Februari 2020 yang lepas. Lawatan selama setengah hari ini bertujuan untuk mencetus dan menyemai minat pelajar PSA yang mengikuti kursus Sains Kejuruteraan ke arah pembelajaran sains dan teknologi sepanjang hayat. Selain itu ia juga untuk memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap sains dan teknologi. Pelajar yang mengikuti lawatan ini amat teruja dengan pelbagai aktiviti sains yang ditawarkan di situ.



Lawatan pelajar ke Pusat Sains Negara (PSN).



Pelajar melakukan aktiviti yang disediakan oleh PSN.



Pengarah PSA menandatangani Penyerahan Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab-Kelab Tidak Berkredit.

Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar Dan Kelab-Kelab Tidak Berkredit 2020

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Usai Pilihanraya kampus pada 8 Januari 2020 yang lalu, maka pada 10 Februari 2020 (Isnin) tepat jam 2.30 petang bertempat di Anjung Bestari PSA, telah berlangsung satu Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab-Kelab Tidak Berkredit 2020. Majlis ini dihadiri oleh Ahli Majlis Tertinggi PSA, Ketua-Ketua Unit Hal-Ehwal Pelajar Jabatan, Penasihat MPP dan Penasihat Kelab-kelab Tidak Berkredit 2020. Selain penyerahan watikah, majlis ini juga menyaksikan para Exco MPP dan Kelab Tidak Berkredit 2020 mengangkat sumpah untuk menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka melalui kemenangan yang diperoleh di dalam Pilihanraya Kampus kelmarin.



Selamat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

JKA Anjur Ceramah 'The Importance of Surveying In Civil Engineering'

Oleh : Hjh. Jazlina binti Muhammad

JKA telah menganjurkan Ceramah Ukur Kejuruteraan Awam pada 5 Februari 2020 di Dewan Kuliah Utama, PSA. Objektif ceramah ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan dan kepentingan ukur di dalam bidang kejuruteraan awam. Selain itu ia juga untuk memantapkan lagi pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran ukur mereka. Program ini juga merupakan satu platform kolaborasi antara JKA dengan pihak industri iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Selain itu ia juga dianjurkan bagi memenuhi keperluan silibus Kursus Engineering Survey (DCC 3093). Penceramah yang dijemput ialah En. Mohd. Rosydi bin Abdullah, Penolong Pengarah Ukur di Seksyen Pangkalan Data Ukur Kadaster, Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor.



Tn. Hj. Rusli bin Mohamad, pensyarah utama JKA mengalu-alukan kehadiran pelajar di Dewan Kuliah Utama, PSA.

"Degrees do not define us, individually, or as a society... Our society needs to evolve, such that all occupations, crafts and trades, whether the skills are acquired through a degree education or not, are respected and recognised."

Ong Ye Kung



Graduan TVET Rebutan Industri

Oleh : Hjh. Jazlina binti Hj. Muhammad



Unit K5 CISEC, JKA telah menganjurkan *Forum Industry Talk* pada 11 Februari 2020 dengan membincangkan tajuk Graduan TVET Rebutan Industri. Sejumlah 120 orang pelajar JKA Semester 5 yang akan menjalani latihan industri terlibat dalam program ini. Program separuh hari ini telah menjemput 3 orang Penasihat Industri JKA iaitu Ir. Ghazali bin Abdul Aziz, Ir. Muhammad Makki bin Ramli dan En. Albert Khoo. Program ini menjurus kepada Teras 1 iaitu menghasilkan graduan TVET berkualiti dan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi. Ia juga sejajar dengan Teras 4 yang mana program ini menjadi platform kesediaan jabatan untuk menerajui sistem pendidikan melalui TVET 4.0. Selain itu, ia juga bagi memenuhi keperluan kursus DUT 40110 Latihan Industri. Dr. Hasmawi bin Khalid, Ketua Jabatan JKA telah hadir bagi merasmikan majlis penutup forum ini.

JKA sertai Pertandingan Struktur Gempa Bumi

Oleh : Hazruwani binti Abdul Halim

Pada 15 Februari 2020 yang lalu Universiti Tun Abdul Razak (UTAR) telah menganjurkan pertandingan Struktur Gempa Bumi (SES) 6.0. Ia adalah pertandingan antara universiti yang dianjurkan bersama oleh UTAR Student Chapters of The Institution of Engineers Malaysia (IEM) dan Institution of Civil Engineers (ICE), bersama-sama dengan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Lee Kong Chian, Universiti Tun Abdul Razak. Penaja pertandingan ini ialah Sunway Construction Group Berhad.

JKA telah menghantar 8 orang pelajar dan diiringi oleh 3 orang pensyarah pengiring iaitu Puan Zarinah binti Zaini, Dr. Ainul Haezah binti Noruzman dan Puan Hazruwani binti A. Halim. Pertandingan ini bertujuan melahirkan pemimpin pelajar yang mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran berkomunikasi, dan berkemahiran dalam kejuruteraan gempa melalui pengalaman praktikal membina model struktur berskala kecil. Pertandingan ini mencabar pelajar peringkat diploma untuk merancang struktur yang menjimatkan kos untuk menahan beban seismik. Melalui pertandingan ini, pelajar diharapkan dapat mengaplikasikan pengetahuan kejuruteraan yang dipelajari di dalam kelas sebelum ini.



Peserta Pertandingan Struktur Gempa Bumi dari JKA.



Melalui pertandingan ini peserta berjaya untuk membangunkan model mereka sendiri dalam jangka waktu tertentu dengan menggunakan bahan yang disediakan, sesuai dengan tema dan fitur yang ditentukan. Struktur yang dibina kemudian dimuat dan diuji pada meja gegaran rangsangan gempa dan dinilai oleh para hakim berdasarkan kesinambungan gempa dan kecekapan materialnya. Melalui pertandingan ini kreativiti pelajar berjaya dicungkil di samping mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam bidang gempa bumi.



PSA Rai Pelajar Cemerlang Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)

Oleh : Zetty Rohaiza Binti Mohd Sahak @ Ishak

Majlis Anugerah Ketua JKM Sesi Jun 2019 merupakan satu majlis pengiktirafan kepada pelajar Kejuruteraan Mekanikal yang mendapat keputusan Purata Nilai Mata 3.5 ke atas. Ia bertujuan menggalakkan keluaran graduan TVET yang berkualiti selaras dengan sasaran yang terkandung dalam Pelan Strategik 2018-2025 sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen. Seterusnya majlis ini diharap dapat menyuntik semangat dan dorongan motivasi kepada mereka yang kurang menyerlah untuk menggandakan usaha mereka dalam menggapai kejayaan akademik. Majlis yang berlangsung pada 7 Februari 2020 di Dewan Al-Jazari ini telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah PSA yang berbesar hati menyampaikan anugerah kepada pelajar terlibat. Kehadiran hampir 800 orang pelajar JKM telah memeriahkan lagi majlis ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima anugerah.



AMT meraikan kejayaan pelajar cemerlang JKM.

Ikon PSA, Syairul Islam Bantu Promosi Great Future @PSA

Oleh : Annafaedzatul binti Mohd Amin



Saudara Muhammad Syairul Islam Basmullah dinobatkan sebagai ikon PSA dan sekarang bertugas sebagai Pembaca Berita di TV1 untuk slot berita semasa. Terbaik!



Saudara Syairul Islam sedang menjalankan proses *dubbing*.

Satu lawatan telah dibuat oleh Pusat Teknologi Multimedia (CMT) dan Pegawai Perhubungan Awam (PRO) PSA ke Radio Televisyen Malaysia di Angkasapuri untuk bertemu bekas pelajar PSA, Muhammad Syairul Islam Basmullah. Lawatan ini telah dibuat pada pada 21 Februari 2020. Beliau kini telah bertugas sebagai pembaca berita di TV1 untuk slot berita semasa, pengacara Selamat Pagi Malaysia dan pengacara Lensa IPT. Alumni dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal ini berumur 21 tahun dan berasal dari Bangi, Selangor. Pencapaian yang diraih beliau sepanjang di PSA adalah:

1. Anugerah Pengucapan Awam Lelaki : *Poly Voice 2018*
2. Anugerah Pelajar Cemerlang PSA
3. Anugerah Ketua Jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Sehubungan itu pihak pengurusan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah memilih Muhamad Syairul Islambin Basmullah sebagai Ikon PSA yang akan bertanggungjawab mempromosi PSA dengan tema 'Great Future at PSA'.

Perpustakaan Ibnu Khaldun Anjur PSA Membaca

Oleh : Nurul Farhah binti Dalail

Perpustakaan Ibnu Khaldun, PSA terus komited dalam mempromosikan budaya membaca terutama di kalangan warga kampus. Pada 12 Mac 2020, bertempat di Anjung Bestari, Perpustakaan Ibnu Khaldun telah menganjurkan program PSA Membaca. Program tersebut telah disempurnakan oleh Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail, Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Program ini berhasrat untuk menghasilkan graduan TVET yang berkualiti dan berpengetahuan tinggi serta mencapai masyarakat yang berilmu. Melalui program ini juga diharap dapat memupuk budaya membaca dan berkongsi ilmu dalam kalangan warga PSA.

Antara aktiviti yang dijalankan di dalam program ini ialah slot Bacaan Kegemaran Saya oleh Tuan Pengarah PSA, Jom Baca Selama 10 Minit, Sesi Perkongsian Buku oleh Pelajar dan Kuiz Spontan oleh Kepimpinan Pengurusan Tertinggi PSA. Suasana menjadi meriah dan gamat bila pelajar berlumba berkongsi bahan bacaan mereka kepada semua. Begitu juga semasa kuiz spontan pengetahuan am mengenai PSA diajukan kepada pelajar. Melalui sesi komunikasi 2 hala ini dapat meningkatkan keyakinan sendiri pelajar dalam menyampaikan sinopsis buku sekaligus boleh mendorong mereka kepada amalan banyak membaca bagi peningkatan pengetahuan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka berucap di khalayak ramai.



Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail berkongsi pengalaman pembacaan beliau dalam Slot Buku Kegemaran Saya.



Salah seorang pelajar yang memenangi kuiz spontan.



Pelajar tidak melepaskan peluang bergambar bersama Tuan Pengarah PSA.

English Enhancement Week (EEW) 2020

Oleh : Suhazni binti Said

The objective of this program is the students able to improve their communication skills. They also able to diverse opinions, thinking critically, and innovatively and problem-solving skills as there are lots of activities from each workshop. Other than that is to produce effective communicators, emotionally intelligent, and able to interact across cultures: responsible, competitive, resilient, and confident in facing the challenges of 4IR. This workshop is a platform for students, especially to deepen and master the delivery techniques and arguments to produce talented people, high communication skills and creativity as well as critical thinking on current issues as set out in KPI 5 JPPK, which emphasizes institutions in producing students who achieved success at the national and international levels.



Closing Ceremony



Public Speaking Workshop



Newscasting Workshop

The exposure to experience and direct training from industries such as the Malaysian Institute of Debate and Public Speaking (MIDP) and Apple Education Malaysia, a global leader in communications and technology can apply knowledge and skills based on 4IR. Its also to produce TVET graduates who have high marketability and are characterized by quality global citizens as enshrined in Teras 1, Polytechnic Strategic Plan, and Community College 2018-2025.

This program had produce highly skilled graduates in terms of communication and mastery of the latest technology. The students also able to increase the level of capability in the development of personality holistically that can contribute to the development of the country and forming people who are skilled, knowledgeable, moral, and highly skilled. They had the confidence to confront people and converse in English.



Debate Workshop



Techno Drama Workshop

'Privacy – like eating and breathing – is one of life's basic requirements.'

Katherine Neville

Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti Anjur Safety Week

Ceramah Jenayah Cyber – Peranan Pengguna Internet

Oleh : Norhayati binti Ahmad Alwi

Pada 12 Mac 2020 telah diadakan aktiviti ceramah berjudul 'Jenayah Cyber - Peranan Pengguna Internet'. Ceramah ini adalah salah satu aktiviti sempena *Safety Week* yang berlangsung dari 9-13 Mac 2020. Ceramah ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar isu yang berkaitan dengan keselamatan terhadap penggunaan internet khususnya risiko yang dihadapi bila berada di dalam talian. Peningkatan mendadak jumlah pengguna ruang siber yang berinteraksi di laman sosial telah meningkatkan bilangan jenayah siber. Antara jenayah siber yang banyak berlaku ialah mencuri data, buli siber, penyamaran dan 'cyber stalking'. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Ridzwan Ahmad bin Mohd Fathil dari *CyberSecurity Malaysia*. Sejumlah 70 pelajar dari semua jabatan telah menghadiri ceramah ini yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama.



En. Ridzwan Ahmad bin Mohd Fathil dari *CyberSecurity Malaysia* sedang menyampaikan ceramah.



Sebahagian pelajar yang menghadiri ceramah bertajuk 'Jenayah Cyber - Peranan Pengguna Internet'.

'It takes 20 years to build a reputation and few minutes of cyber-incident to ruin it.'

Stephane Nappo

Ceramah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja

Oleh : Norhayati binti Majid



Tuan Hj. Shahronizam bin Noordin sedang menyampaikan ceramah beliau di Dewan Kuliah Utama.

11 Mac 2020 - Sempena *Safety Week*, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSA telah menganjurkan ceramah berjudul Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Ceramah telah disampaikan oleh Tn. Hj. Sharonizam bin Noordin dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Ceramah ini berlangsung selama 2 jam bermula 10.00 pagi di Dewan Kuliah Utama. Seramai 172 pelajar dari JKA, JKE dan JKM telah menghadiri ceramah ini yang dihoskan oleh Nik Mohamad Syairazi bin Zainuddin Kelab Orator PSA. Pihak NIOSH juga telah membuka reruai pameran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada hari berikutnya di Perpustakaan Ibnu Khaldun. Pada akhir ceramah, beliau telah membuat kuiz dan menyampaikan hadiah kepada pelajar yang menjawab dengan pantas sehingga menggamatkan suasana. Semoga ceramah dan pameran ini dapat memberi maklumat dan manfaat berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutamanya kepada pelajar.

Ceramah Bahaya Kosmetik Tidak Berdaftar

Oleh : Asmira bin Ashari

Pada masa yang sama juga, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) telah menganjurkan satu lagi ceramah berkaitan keselamatan penggunaan kosmetik telah diadakan di Perpustakaan khusus untuk siswi. Ceramah bertajuk Bahaya Kosmetik Tidak Berdaftar telah disampaikan oleh Encik Raj Sharma a/l Chandrasekaran, Pegawai Farmasi dari Klinik Kesihatan Jeram yang mewakili Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Seramai 106 siswi dari Jabatan Perdagangan telah menghadiri ceramah tersebut. Majlis dikendalikan oleh Nurfatim Afrina binti Mohd Fuad pelajar Program Diploma Pengajian Insurans dari Kelab Orator PSA dan dirasmikan oleh Encik Hashim Bin Ahmad mewakili Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perdagangan. Semoga aktiviti ini dapat memberi maklumat dan manfaat berkaitan keselamatan penggunaan kosmetik terutamanya kepada pelajar.



En. Raj Sharma Chandrasekaran sedang menyampaikan ceramah.



En. Hashim Ahmad menyampaikan cenderamata kepada penceramah, En. Raj Sharma a/l Chandrasekaran dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.



JKA Sertai Tanam Pokok di Hutan Paya Kuala Selangor

Oleh: Hazruwani binti Abdul Halim

Kuala Selangor, 22 Februari 2020 : Sekumpulan pensyarah JKA, PSA telah menyertai aktiviti menanam pokok tenggek burung di Hutan Simpan Raja Musa di Kuala Selangor. Hutan Simpan Raja Musa adalah hutan paya gambut dan dapat menampung bekalan air sebanyak 2 bilion meter kubik sekaligus mampu membekalkan penggunaan air domestik di Negeri Selangor. Program Pemuliharaan Hutan Simpan Raja Musa ini mendapat kerjasama lestari di antara Global Enviroment Centre (GEC), Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Perhutanan Selangor untuk memulihkan tanah yang terdegradasi dalam hutan paya gambut. Program pemuliharaan paya gambut ini termasuklah pencegahan kebakaran, pemulihan semulajadi paras air hutan, pertumbuhan semula pokok secara semula jadi dan penanaman semula.



Pensyarah JKA menyokong aktiviti penanaman pokok bagi pemuliharaan tanah gambut.



Melalui program ini, peserta bekerjasama menanam semula kawasan yang rosak sambil mempromosikan pemuliharaan tanah gambut dan penggunaannya secara bijak. Program ini juga diadakan bersempena Sambutan Hari Tanah Wetlands Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2020. Peserta telah diberi peluang untuk merasai sendiri pengalaman menanam pokok dan seterusnya meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hutan paya simpan kepada masyarakat setempat dan alam sekitar.



JKA Buat Lawatan Tapak ke Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT)

Oleh: Rohaidah binti Md Noor

Unit K5 JKA telah mengadakan satu aktiviti berbentuk lawatan tapak ke tapak pembinaan KVMRT (Klang Valley Mass Rapid Transit) Construction Site V210 & S210 di Persiaran Apec, Cyberjaya. Puan Rohaidah dan Puan Jazlina telah membawa 40 orang pelajar daripada kelas DKA5A untuk lawatan ini.

Secara tidak langsung, pelajar-pelajar dapat melihat sendiri bagaimana satu-satu pembinaan MRT dijalankan dan dapat menimba banyak ilmu bermula dari aspek peraturan keselamatan di tapak bina, peralatan keselamatan, akta dan pekeliling berkait dengan keselamatan, *Do & Donts* di tapak bina dan sebagainya. Selain itu, satu hubungan baik dapat dibina antara JKA khususnya dan PSA amnya dengan pihak *Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)*.



Taklimat Keselamatan Tapak disampaikan oleh Jurutera Bahagian Pembinaan dan Sivil, En. Ahmad Zahari bin Abdul Rahim.



Pensyarah JKA yang komited. Berdiri dari kiri Hj. Jazlina Muhammad dan Pn. Rohaidah Md Nor.



Bengkel Pemerkasaan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2020

Oleh : Zainab Hanina binti Abdul Samad

Rentetan daripada Pilihan Raya Kampus 2020, yang telah diadakan pada 9 Januari 2020, Unit Pembangunan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSA telah mengadakan Kem Kepimpinan MPP 2020. Kem ini dihadiri oleh semua calon yang telah memenangi Pilihan Raya Kampus 2020 untuk digilap bakat kepimpinan yang sedia ada serta melihat kecenderungan personaliti dalam diri setiap calon. Bengkel ini berlangsung pada 10 Januari - 12 Januari 2020 bertempat di Kem Murni Gopeng Perak. Seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada 28 orang lelaki dan 15 orang perempuan telah menyertai kem ini. Pelbagai aktiviti yang mencabar fizikal dan mental telah dijalankan dengan bimbingan daripada lima orang fasilitator (SAHABAT) dan iringan daripada tiga orang pegawai dari PSA. Kem ini telah memberi suntikan pengalaman baru bagi meningkatkan pengurusan kepimpinan pelajar kepada MPP yang baru dilantik.



Pelajar dikehendaki untuk menyelesaikan tugas kayu yang diberi supaya menjadi sebuah bentuk yang diperlukan.

PSA Usaha Tingkatkan Kecemerlangan Pelajar Melalui Kem Smart 2020

Oleh : Noraslinda binti Haron

Pada 7-9 Februari 2020 telah berlangsung Kem SMART bertempat di Sime Darby Plantation Academy, Pulau Carey dengan penyertaan seramai 34 orang mahasiswa dari JKA, JKE, JPG dan JKM. Kem SMART membawa maksud *S-Strive*, *M-Mission*, *A-And*, *R-Reach* dan *T-Target*. Program ini menasaskan mahasiswa yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.5 ke bawah bagi meningkatkan motivasi dan kesedaran mereka dalam akademik selain membantu mahasiswa untuk lebih berjaya dalam pembelajaran masing-masing. Program berbentuk pembangunan ini merupakan salah satu program yang dirangka oleh Unit Pengurusan Psikologi bagi meningkatkan semula motivasi dan kesedaran dalam diri mahasiswa agar lebih bersemangat meneruskan pembelajaran sehingga berjaya bergraduasi.



Peserta Kem Smart 2020 bersama Pengarah PSA bergambar kenangan di Sime Darby Plantation Academy .

**‘Semangat yang lemah buanglah jauh, Jiwa yang kecil segera besarkan
Yakin percaya iman pun teguh, Masa hadapan penuh harapan.’**

Hamka

**‘Bermimpilah setinggi langit. Jika engkau jatuh, engkau akan jatuh di
antara bintang-bintang.’**

Soekarno

S.P.I.E.S : Perkasa Pelajar JKM

Oleh : Norhazaiwati binti Ahmad Teridi

PSA 24 Februari 2020 bertempat di Foyer Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah berlangsung program pembangunan di bawah Penasihat Akademik dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi iaitu program SPIES: "Life for today, Hope for tomorrow". Program ini adalah program di mana melibatkan penyertaan daripada mahasiswa JKM yang memberi fokus kepada motivasi dan berkongsi pengalaman daripada bekas alumni mahasiswa JKM. Program telah berlangsung dengan jayanya.



En. Mohd Amirul Akmal bin Azni berkongsi pengalaman sebagai alumni JKM kepada pelajar.



Psychology Roadshow 2020

Oleh : Norhazaiwati binti Ahmad Teridi



23 Februari 2020 - Unit Pengurusan Psikologi (UPP) PSA telah melaksanakan aktiviti perkhidmatan psikologi iaitu Psychology Roadshow 2020. Melalui program ini, UPP berpeluang menjelajah sebanyak 2 Jabatan induk iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Antara pengisian dalam program ini adalah aktiviti psikologi dan kaunseling yang telah dijalankan seperti terapi seni, inventori psikologi, *Psychology Games*, dan ceramah motivasi. Pameran psikologi turut dijalankan dalam roadshow kali ini. Aktiviti ini telah menarik minat kakitangan dan pelajar untuk bersama-sama merasai pengalaman khususnya melibatkan diri dengan terapi seni iaitu menggunakan kaedah "Clay Therapy" sebagai salah satu medium untuk "express the feeling".



'Dalam situasi apa pun, jangan biarkan emosimu mengalahkan kecerdasanmu.'

Hamka

SUKAN DAN REKREASI

PSA Sertai Pekan Woodball Challenge 2020

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Pada 26 Januari 2020, Pasukan Woodball PSA telah menyertai Kejohanan Woodball Pekan Challenge 2020. Kejohanan berlangsung di Laman Woodball KESPADA, Pekan, Pahang. Pasukan PSA terdiri daripada 6 orang staf dan seorang pelajar iaitu:

Senarai peserta dari PSA :

1. Dr Baharuddin bin Mustapha
2. Dr Hj Zuhwanas bin Mohamad
3. Dr Mohd Elias bin Daud
4. Mohd Khairu bin Jaapar
5. Mohd Fauzi bin Derani
6. Ani binti Yaakub
7. Anis Syafiqah binti Mohd Azhar (Pelajar)

Dalam kejohanan tersebut, Encik Mohd Fauzi bin Derani telah dinobatkan pemenang tempat Ketiga bagi Kategori Individu (Lelaki). Penyertaan ini telah memberi pengalaman berharga kepada peserta dalam penyertaan dalam kejohanan yang lebih besar pada masa akan datang.

Kejohanan Woodball Pekan Challenge 2020
Tarikh : 26 Januari 2020 (Ahad)
Masa : 8:30 Pagi
Tempat : Laman Woodball Kespada Pekan
ANJURAN:
PERSATUAN WOODBALL DAERAH PEKAN
DENGAN KERJASAMA:
PERSATUAN WOODBALL NEGERI PAHANG



Kontinjen Woodball PSA ke Woodball Pekan Challenge.

Selamat Pagi Malaysia : Woodball di TV1

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Pagi Ahad 2 Februari 2020, penonton TV1 berpeluang menyaksikan Siaran Langsung SPM bersama Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail, dan Dato' Paduka Redzuan bin Mohd Nor, Penaung Kelab Woodball Metropolitan Kuala Lumpur bagi membincangkan topik sukan Woodball. Siaran langsung selama 12 minit ini membincangkan sejarah permainan bola kayu atau *woodball* yang bermula pada tahun 1990 di Taiwan, peralatan yang digunakan dan sejarah perkembangan *woodball* di Malaysia khususnya PSA. Pencetus *woodball* di Malaysia adalah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang telah mengembangkan sukan ini di Perlis. Selain itu peraturan permainan dan pertandingan peringkat dunia yang bakal dianjurkan di Perlis iaitu *Woodball Championship World Cup (WCWC)* turut dibincangkan. Malaysia pernah ada juara WCWC yang berasal dari Rompin, cuma bidang ini belum dikenali ramai. PSA telah diberi mandat oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia untuk melatih dan mencari bakat baru di bidang *woodball*. PSA telah mempunyai Kelab *Woodball* dan akan cuba pergi ke kejohanan di luar negara. Pada masa ini Malaysia sebenarnya mempunyai pemain dalam ranking 10 terbaik dunia. Apa yang menarik *woodball* ini ialah ia boleh dimainkan di padang atau di pantai dan boleh dimainkan oleh pelbagai peringkat umur. Selain PSA terdapat beberapa IPTA yang turut memperkenalkan *woodball* seperti di UiTM Arau. PSA sendiri telah memenangi beberapa kejohanan dalam negara yang dianjurkan baru-baru ini. Masyarakat disarankan mencuba permainan ini yang boleh dimainkan oleh pelbagai peringkat.



Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail turut serta mempromosikan sukan woodball di Selamat Pagi Malaysia di TV1.



Bowling Pengukuh Ukhuwwah AMP 2020

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

12 Februari 2020 (Rabu) - Ahli Mesyuarat Pengurusan (AMP) PSA telah meluangkan masa untuk beriadah dengan menyertai pertandingan Bowling Pengukuhan Ukhuwwah AMP 2020 yang berlangsung di Alam Lanes, Pusat Membeli Belah AEON Shah Alam. Penganjur bagi pertandingan ini adalah Jabatan Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan, PSA. Antara hadiah yang ditawarkan untuk pertandingan ini adalah Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga Berkumpulan serta Individu. Anugerah Ratu dan Raja Longkang juga turut diadakan. Aktiviti riadah ini sekurang-kurangnya sebagai satu langkah untuk memulakan gaya hidup sihat selain dapat mengurangkan tekanan dengan tugas di pejabat.



Team bowling AMP beriadah di Alam Lanes, AEON Shah Alam.



Utarga Ultimate Frisbee Open 2020

Oleh : Neer Hayati binti Mat Taib

PSA telah menyertai satu kejohanan Frisbee Terbuka iaitu *Utarga Ultimate Frisbee Open 2020* pada 14-15 Februari 2020 bertempat di Amanjaya Sport Arena, Sungai Petani. PSA telah menghantar dua pasukan bagi pertandingan tersebut.

Pencapaian Team PSA :

Silverback Ultimate
1st runner up Pool B

Bandersnatch
2nd runner up Pool A

Tahniah pasukan Frisbee PSA.



Liga Futsal Politeknik Malaysia 2020 : Selangor Juara

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Pada 14 - 18 Februari 2020 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah berlangsung perlawanan Futsal peringkat Politeknik Malaysia. Dalam perlawanan tersebut, pasukan Selangor telah dinobatkan menjadi Juara Liga setelah menang di semua peringkat liga. Berikut adalah keputusan penuh liga futsal tersebut :

Perlawanan Peringkat Kumpulan Terengganu A (1) - Selangor 6 Selangor (2) - Kedah A (1) Suku Akhir : Selangor (7) - Perak (4) Separuh Akhir Pahang (0) - Selangor (3) Akhir Terengganu (3) - Selangor (5) Tahniah Team Selangor!



Pasukan Liga Futsal PSA bertanding di UPSI.

Pasukan Woodball PSA Berentap di Bentong

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

PSA telah menyertai Kejohanan Woodball Kolej Komuniti Bentong yang berlangsung pada 22 Februari 2020. Walaupun tidak merangkul sebarang kejuaraan, peserta PSA tidak pulang dengan tangan kosong pada kejohanan tersebut. Antara kemenangan yang diperoleh PSA adalah : Tempat Ketiga - Encik Mohamad Fahmy bin Ibrahim (KJ JSKK) - 56 mata, Tempat Keempat - Muhammad Danial bin Iskandar (Pelajar PSA) - 57 mata, Tempat Kelima - Dr. Baharuddin bin Mustapha (JKE) - 58 mata, Gate In One - Encik Mohamad Fahmy bin Ibrahim (KJ JSKK).

Tahniah diucapkan kepada semua peserta.



En. Mohamad Fahmy bin Ibrahim memenangi tempat ke-3 dalam woodball Kolej Komuniti Bentong.



Dr. Baharuddin bin Mustapha meraih tempat ke-5 dalam kategori jemputan terbuka pertandingan Woodball.

Atlit Pencak Silat, Amiruddin Arif Hadihkan Emas Untuk PSA

Oleh : Mohd Azzam bin Azmi

Amiruddin Arif bin Ahmad Mukhtar, pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah mewakili Negeri Selangor dalam Kejohanan Silat Terbuka Jemputan Antarabangsa Taming Sari, UKM pada 19 - 23 Februari 2020. Beliau bertanding dalam acara silat olahraga kelas Tanding Putera B. Beliau memperoleh pingat Emas dan telah dinobatkan Johan dalam kejohanan tersebut. Tahniah Arif!



Amiruddin Arif bin Ahmad Mukhtar (berdiri dari kiri) mewakili Selangor dalam Kejohanan Silat Terbuka Jemputan Antarabangsa Taming Sari UKM.

PSA Sertai Kejohanan Bola Tampar Politeknik Malaysia 2020

Oleh: Jamaliah Binti Jaafar



Pasukan Bola Tampar PSA telah menyertai Kejohanan Bola tampar Jemputan Politeknik Malaysia yang berlangsung pada 28 Februari hingga 1 Mac 2020. Kejohanan yang dianjurkan oleh Program Kecemerlangan Atlit (PKAT) Bola Tampar Politeknik Malaysia ini berlangsung di Stadium Sukan Negeri Paroi, Negeri Sembilan. Kejohanan ini hanya terbuka kepada pasukan lelaki dari semua Politeknik Malaysia. Saingan dan tentangan sengit daripada semua pasukan yang menyertai kejohanan ini telah membataskan peluang pasukan PSA. Dalam cabaran kali ini pasukan PSA hanya dapat meneruskan perjuangan sehingga ke peringkat Suku Akhir sahaja. Pengurus pasukan adalah Encik Mohd Azzam bin Azmi. Juara kejohanan pada kali ini adalah pasukan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) manakala Politeknik Kota Bahru (PKB) sekadar berpuashati dengan tempat kedua.

PISPA PSA Bersemangat Hadiri Kem Latihan Medan dan Menyelamat

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

PISPA PSA telah selesai menjalani Kem Latihan Medan dan Menyelamat Sesi Disember 2019 sebagai persiapan *Malaysian Polytechnic Civil Defense Annual Camp (MALPICIDAC) 2020*. Kem ini berlangsung selama 3 hari bermula 6 Mac 2020. Sejumlah 80 orang pelajar terlibat dalam program ini yang berlangsung di Kem Eko Ulu Bendul, Negeri Sembilan.



PSA Tuan Rumah Kelapa Run 2020

Oleh: Mariana binti Rosdi

Persatuan Pandu Puteri Selangor Daerah Perdana dan Petaling Utama dengan kerjasama PSA buat julung kali berganding bahu mengadakan aktiviti Sambutan Hari Peringatan Sedunia dan larian amal Kelapa Run di Kampus PSA pada Sabtu 29 Februari 2020 yang telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Puan Zalina binti Ismail dengan 4 kategori pelepasan larian sejauh 3 km yang mendapat sambutan menggalakkan dari pelajar-pelajar sekolah, warga komuniti sekitar Shah Alam dan warga Politeknik sendiri. Acara larian bermula dari kawasan pelepasan bangunan pentadbiran Politeknik dan melalui beberapa batang jalan di seluruh kawasan kampus Politeknik.

Acara penyampaian hadiah telah diadakan sebaik sahaja tamat larian. Dengan maskot kelapa acara larian *Kelapa Run* ini diadakan bertujuan untuk menyumbang di tabung amal bagi yang memerlukan bantuan makanan selain dari membina kecerdasan fizikal pelajar agar mempunyai pencapaian yang seimbang dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Di samping itu aktiviti ini mempererat silaturahim di antara pendidik dan pelajar di sepanjang aktiviti ini berlangsung. Terdapat juga aktiviti lain seperti pameran, ceramah bertajuk *Pengenalan Lost Food Project*, Demonstrasi Makanan, Pertandingan memasak, kuiz dan sukaneka disulami persembahan *live busker* dan cak lempong oleh pelajar-pelajar Politeknik.



Once guide always guide.

BERITA KAKITANGAN

PERHIMPUNAN STAF BIL 1/2020

Anjuran JPG

Oleh: Sa'adah binti Mohd Hisam

07 Februari 2020 - Majlis perhimpunan staf anjuran Jabatan Perdagangan (JPG) PSA yang julung kalinya diadakan bagi tahun 2020 diserikan dengan tema berwarna merah sempena sambutan Tahun Baru Cina. Majlis ini telah dipengerusikan oleh pensyarah JPG iaitu Puan Hazariah Karsahid dan Cik Siti Rawaidah Mohd Razikin. Seusai bacaan ikrar perkhidmatan awam dan ikrar integriti perkhidmatan awam yang dipimpin oleh Encik Mazrul Hisyam bin Ab. Malik, tayangan multimedia sekitar PSA ditonton bersama.

Seterusnya, melalui majlis perhimpunan staf ini, Dr. Hj Mohd Zahari bin Ismail, Pengarah PSA telah menyampaikan amanatnya. *"Passionate, Synergize and Agile"*, inilah moto PSA yang sering ditekankan oleh Pengarah dalam mencapai visi dan misi PSA. Sehingga 7 Februari 2020 ini, seramai 13 orang staf berpindah keluar dan seramai 16 orang staf berpindah masuk/ lantikan baru ke PSA sejak awal tahun 2019. Pengarah merakamkan ucapan penghargaan kepada mereka yang telah berpindah keluar dan mengalu-alukan professionalism dan kepakaran staf yang baru masuk ke PSA. Tidak dilupakan juga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada 5 orang staf yang telah berpencen pada 2019 iaitu Puan Mardhiah binti Mohd Mastol, Puan Soon Teik Lan @ Soon Cecilia, Puan Wan Nadiyah binti Haji Wan Daud, Datin Rohani binti Wan Mustaffa dan juga Puan Fazilah binti M. Yusof.



Tuan Pengarah menekankan yang beliau berbangga atas pencapaian KPI PSA sebanyak 99.91% pada tahun 2019 berbanding 94.25% pada tahun 2018. Bagi tahun 2020, Pengarah telah menggariskan tahap pencapaian KPI bagi tahun semasa antaranya prestasi perbelanjaan mengurus, bilangan kolaborasi berimpak tinggi antara industri dan PSA, program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), peratusan pelajar graduan dalam tempoh, peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian, aktiviti *Lean Management* dan sebagainya. Pengarah turut menekankan perancangan dan pelaksanaan program berimpak tinggi bagi tahun 2020 seperti pelancaran 10 tahun Politeknik Premier, program mobiliti, *Industry on Campus*, audit ISO 21001 *Educational Organisations Management System (EOMS)* dan lain-lain.

Majlis diteruskan dengan pelancaran kempen *Tidy Friday* oleh Pengarah PSA dengan tema *"Less Clutter, Less Stress"* untuk membina persekitaran pekerjaan yang lebih selesa dan tersusun. Majlis diakhiri dengan acara penyampaian hadiah. Tuan Pengarah diiringi oleh Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Hj. Norhayati binti Ibrahim, Puan Zalina binti Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSA telah menyampaikan 21 anugerah staf cemerlang bulanan PSA bagi tahun 2019. Di samping itu, sekalung penghargaan turut diberikan atas penghasilan video PdP yang menyumbang kepada pencapaian KPI 2019. Tahniah juga diucapkan kepada Encik Mazrul Hisyam bin Ab. Malik, Puan Noorhaneyza binti Mat Noor dan Encik Muhammad Kamal Ariffin bin Hj Badrun atas perlantikan sebagai Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri bagi Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia. Majlis perhimpunan staf ini telah berakhir sekitar pukul 12.00 tengahari.



Januari - Jun 2020

Kakitangan Berpencen

Nama	Jawatan	Gred	Tarikh
Datin Seri Dr. Zainah binti Othman	PPPT	DH48	28.2.2020
Ab Wahid bin Othman	PPPT	DH48	27.3.2020

Kakitangan Berpindah Keluar

Nama	Jawatan	Gred	Tarikh	Bertukar ke
Rosmalati binti Aman Shah	PPPT	DH48(M)	2.1.2020	Politeknik Kuching
Zakiah binti Md Saad	PPPT	DH48(M)	2.1.2020	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
Muhapis bin A Hakim	PPPT	DH44	16.1.2020	Kolej Komuniti Shah Alam
Azizah binti Hamdani	P.Jurutera	JA29	2.3.2020	Kem. Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kakitangan Baru

Nama	Jawatan	Gred	Tarikh	Dari
Norsyila binti Rasyid	PPPT	DH44	16.1.2020	Bahagian Penguasaan dan Inspektorat
Murugadas a/l Ramdas	PPPT	DH48(M)	16.1.2020	Politeknik Port Dickson
Nik Zety Akhtar binti Abdul Aziz	PPPT	DH48(M)	16.1.2020	Politeknik Port Dickson
Mahyuni binti Mohd Idris	PTM	F44	20.1.2020	Kastam Putrajaya
Halmy Effendy bin Rasol	Jurufoto	B19	30.1.2020	Lantikan baru
Norezan binti Asmangi	PPPT	DH44	28.1.2020	Tamat cuti belajar
Nur Fatin Aqilah binti Zainuddin	PPPT	N29	15.2.2020	Lantikan baru
Asma Adella binti Md Yahya	P.Jurutera	JA29	2.3.2020	Kem. Kerja Raya
Diana binti Nasarudin	PPPT	DH44	11.3.2020	JPG
Azlida binti Abdullah	PPPT	DH52(M)	20.4.2020	JPG
Nastasa binti Abdul Samat	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	JKA
Mazwina Hanim binti Abu Bakar	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	JPG
Rodzaida binti Md Alias	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	JPG
Dr. Syafizwan bin Mohd Farouque	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	JKE
Nur Zahirah binti Mohd Ghazali	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	JMSK
Nur Liyana binti Khalid Khan	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	JMSK
Azlida binti Abdullah	PPPT	DH48(M)	20.4.2020	Politeknik Metro Kuala Lumpur
Amimah binti Talib	PPPT	DH48(M)	20.4.2020	Politeknik Port Dickson
Natasha binti Abdul Samad	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Mazwina Hanim binti Abu Bakar	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	Bahagian Instruksional Pembelajaran Digital
Rodzaida binti Md Alias	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	Bahagian Kurikulum
Syafizwan Nizam bin Mohd Farouque	PPPT	DH48(M)	27.4.2020	Bahagian Instruksional Pembelajaran Digital
Nur Liyana binti Khalid Khan	PPPT	DH48(M)	19.6.2020	Politeknik Ungku Omar
Nur Zahirah binti Mohd Ghazali	PPPT	DH48(M)	19.6.2020	Politeknik Port Dickson

Kenaikan Pangkat -

Pemangkuan Pensyarah DH42 pada 16 Januari 2020

Nama	Jabatan
Mohd Shahril bin Rabu	JKA
Astrahuda Kamarulaini binti Mohd Fahmi	JKE

Kenaikan Pangkat -

Pemangkuan Pensyarah DH44 pada 16 Mac 2020

Nama	Jabatan
Azma Husnaiza binti Abdul Aziz	JPG
Zulkarnain bin Hamid	JKM
Belinda Bong Siaw Fong	JPG
Siti Rawaidah binti Mohd Razikin	JPG
Nur Shahafiza binti Din	JPA
Husniyati binti Adnan	JMSK
Siti Noryanie binti Yusuf	UPLI
Nur Shakirah binti Salehen	UJK

Kenaikan Pangkat -

Pemangkuan Pensyarah DH44 pada 27 April 2020

Nama	Jabatan
Raja Nurul Waheeda binti Raja Zilan	JKA
Nurus Sadiqin binti Abdul Razak Khan	JKM

Kenaikan Pangkat -

Pemangkuan Pensyarah DH48 pada 27 April 2020

Nama	Jabatan
Ernie binti Zulkifli	JKA
Nor Hazlin binti Md Gharip	JKM
Sarina binti Talib	JKA
Zuriati binti Abdul Majid	JKA
Akmaya Syukhairilnisah binti Mohd Akhir	JKE
Aslinda binti Zamah Shari	JKE
Emy Satira Azrin binti Mohamed Hakke	JKE
Fazida binti Adlan	JKE
Julaiha binti Omar	JKE
Masriani binti Mansor	JKE
Nor Rofizah binti Md Gharip	JKE
Norazlina binti Jaafar	JKE
Nur Syafiqah binti Abdullah	JKE
Nurul Akmar binti Kamaruddin	JKE
Rusnania Binti Yahya	JKE
Salizahanim binti Leman	JKE
Ahmad Fakaruddin bin Mohd Fauzi	JKM
Asmira bin Ashari	JKM
Khairulnizam bin Kassim	JKM
Madya Mastika binti Ahmad	JKM
Muhammad Faiz bin Abdullah	JKM
Ngai Chooi Hong	JKM
Nur Farahaizan binti Idris	JKM
Syarifah Noor Binti Abd Rahman	JKM
Diana binti Nasarudin	JPG
Hasni binti Hashim	JPG
Zakiah binti Othman	JPG
Haslina binti Abdullah @ Mohamed	JPA
Muhamad Luqman bin Mohd Nazir	JPA

Kenaikan Pangkat - Pemangkuan Pensyarah DH48 pada 27 April 2020

Nama	Jabatan
Norhayati binti Che Husin	JMSK
Nur Raihan binti Abdul Salim	JMSK
Junnaini binti Johan	JPA
Nastasa binti Abdul Samat	Bahagian Ambilan Pengambilan Pelajar
Mazwina Hanim binti Abu Bakar	Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital
Rodzaida binti Md. Alias	Bahagian Kurikulum
Syafizwan Nizam bin Mohd Farouque	Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital


Kenaikan Pangkat - Pemangkuan Pensyarah DH52 pada 20 April 2020

Nama	Jabatan
Sakdiyah binti Md Amin	JPG
Dr. Wan Rosemehah binti Wan Omar	JKE
Dr. Zunuwanas bin Mohamad	JKE
Azlida binti Abdul Abdullah	JKM

PENERBITAN PSA

PELAN TINDAKAN 2020

Buku Pelan Tindakan 2020 PSA telah berjaya diterbitkan dalam merencana perancangan tahunan berdasarkan pemetaan kepada pencapaian KPI JPPKK, keperluan APACC serta menepati standard sistem pengurusan kualiti dan badan akreditasi program. Selain diterbitkan dalam bentuk fizikal, buku ini juga dihasilkan dalam bentuk eBook sebagai salah satu kaedah capaian yang lebih mudah dan meluas untuk seluruh warga PSA. Penghasilan buku Pelan Tindakan 2020 ini menggariskan strategi dan inisiatif yang dibangunkan dengan memberi penekanan kepada tujuh kriteria kecemerlangan PSA iaitu Governan, Akademik, Staf, Penyelidikan dan Inovasi, Jaringan Kolaborasi, Sumber dan Pelajar. Direncanakan kepada 5 bab utama yang merangkumi Pengurusan, Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Detik Gemilang PSA 2019, Horizon Baharu dan Pelan Tindakan 2020. Perancangan yang komprehensif dan bersepadu ini menjadi momentum yang mendorong kejayaan yang lebih berimpak dan penghargaan yang bermakna bukan sahaja kepada PSA tetapi juga.




BULETIN CMET @PSA

Buletin CMET@PSA menyediakan maklumat mengenai inisiatif yang dilaksanakan bagi pembangunan, pemerkasaan dan kelestarian CMET bermula dari tahun penubuhannya 2010 hingga kini serta perancangan masa hadapan. Aktiviti pembangunan CMET dikategorikan kepada 3 bab iaitu bab 1: *Carving The Landmark, Establishing The Foot Print* dan *Sharpening The Saw*. Manakala bab 2 merangkumi *Constructing Resilience dan Leaping Beyond Boundaries*. Seterusnya bab 3 menyentuh era *Endeavouring For Sustainability*. Buletin ini diakhiri dengan perancangan masa hadapan CMET bagi memastikan ia terus berdaya saing untuk mendepani cabaran mendatang demi kelestariannya.

DIGES AKADEMIK PSA Bil 3/2020

Diges akademik adalah sebuah wacana ilmiah yang dihasilkan oleh penulis-penulis berbakat di kalangan pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah antara lainnya merupakan pakar bidang dalam bidang kejuruteraan dan sains sosial. Penghasilan buku ini telah melalui proses semakan panel penilai yang dilantik khususnya bagi menjamin kualiti kandungan yang diketengahkan oleh para penulis dan penerbitan mengikut format yang ditentukan. Diges akademik dapat digunakan sebagai salah sebuah rujukan ilmiah yang berkesan kepada para pelajar atau dan pensyarah bagi meningkatkan kefahaman dalam bidang niche kajian terkini. Selain itu, penghasilan diges akademik ini dapat membantu meningkatkan pencapaian penunjuk prestasi politeknik tahunan dan secara tidak langsungnya menggiatkan usaha para penulis ke arah kejayaan penulisan yang lebih baik.



CIVIL ENGINEERING FINAL YEAR PROJECT : Mix Proportion and Calculation for Construction Material of Building material

Penulis :
Dr. Ainul Haezah Noruzman
Muhapis A. Hakim
Zainah Zaini

Buku ini diterbitkan hasil nukilan daripada pensyarah yang juga merupakan penyelia bagi kumpulan projek pelajar bagi kursus Diploma Kejuruteraan Awam. Kandungan buku ini adalah rangkuman perkara-perkara asas dalam bidang kejuruteraan awam khususnya bahan pembinaan seperti kod piawaian bagi jenis-jenis pengujian yang digunakan, nota ringkas mengenai bahan binaan dan jalan kerja pengiraan bagi menentukan kaedah bancuhan bata dan konkrit, disediakan bagi memudahkan para pelajar membuat rujukan mudah semasa menjalankan kerja amali di makmal dan juga kajian penyelidikan. Buku ini telah berjaya mendapat pengiktirafan silver award dalam Borneo Innovation Festival 2020 yang telah diadakan di Politeknik Kuching Sarawak pada 20-22 Oktober 2020 yang lepas.



BERITA (BERITA) > Nasional (beritahashemi)
Isnin, 27 April 2020 | 6:00am
Dari: Kota Kuala



Kumpulan pertama pelajar dari Zon Tengah 1 dihantar pulang malam ini

Timbalan Pengerah (Sokongan Akademik) Politeknik Shah Alam, Zalina Ismail (dua kiri) memerhatikan proses sahkan ke atas pelajar yang tiba di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. - Foto NSTP/Rusiana MZ Zan

Share
Dah: Rusiana MZ Zan
rusiana@com.my (mailto:rusiana@com.my)

<https://www.facebook.com/harehsharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/27/kumpulan-pertama-pelajar-dari-zon-tengah-1-dihantar-pulang-malam-ini>

ref_src=twsrc%5Etfw&text=Kumpulan%20pertama%20pelajar%20dari%20Zon%20Tengah%201%20dihantar%20pulang%20malam%20ini&ur=https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/27/kumpulan-pertama-pelajar-dari-zon-tengah-1-dihantar-pulang-malam-ini

SHAH ALAM: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) akan menghantar pulang kumpulan pertama pelajar dari Zon Tengah 1 untuk ke Zon Utara, malam ini.

Timbalan Pengerah (Sokongan Akademik) Politeknik Shah Alam, Zalina Ismail, berkata seramai 31 pelajar membabitkan pelajar politeknik, Kolej Komuniti dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan dihantar ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda dan Ipoh Kuala Setar.

"PSA diberi amanah dan tanggungjawab oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menguruskan penghantaran pulang pelajar dari Zon Tengah 1 untuk balik ke Utara, yang mana PSA dijadikan salah satu tempat pengumpulan pelajar dan titik berlepas ke destinasi terbahari.

BERITA (BERITA) > Nasional (beritahashemi)
Isnin, 27 April 2020 | 5:52pm
Dari: Kota Kuala



Pelajar Zon Tengah teruja pulang ke pangkuan keluarga

Share
Dah: Rusiana MZ
rusiana@com.my (mailto:rusiana@com.my)

<https://www.facebook.com/harehsharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/27/pelajar-zon-tengah-teruja-pulang-ke-pangkuan-keluarga>

ref_src=twsrc%5Etfw&text=Pelajar%20Zon%20Tengah%20teruja%20pulang%20ke%20pangkuan%20keluarga&ur=https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/27/pelajar-zon-tengah-teruja-pulang-ke-pangkuan-keluarga

SHAH ALAM: Kumpulan pelajar dari Zon Tengah 1 yang akan pulang ke pangkuan keluarga di Zon Utara apabila menjadi kumpulan pertama pulang pada malam ini, selepas terkandas di kampus masing-masing sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semua pelajar daripada pelbagai kolej di sini akan menaiki bas dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam (PSA) ke destinasi masing-masing.

Tinjauan kira-kira jam 2 petang di PSA yang diberikan tanggungjawab menguruskan penghantaran mereka, mendapati rata-rata pelajar sedang mengemaskan pakaian dan barang peribadi untuk dibawa pulang.

Pelajar Politeknik METRO Kuala Lumpur (PMKL), Jespreet Kaur Daljit Singh, 21, melahirkan kesyukuran kerana tidak semua berpeluang pulang pada malam ini.

USAHAWAN MUDA VARSITI 7

Bakkwa Anissa dapat sambutan

Terliur makanan popular kaum Cina dorong keluarga hasilkan bakkwa halal daripada ayam



Oleh Nur Azma Laila norazmaghb.com.my

Shah Alam: Pembabitin pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Nur Anissa Ahmad Elzoid, dalam dunia perniagaan bermula apabila beliau teringin mencipta makanan yang popular dalam kalangan kaum Cina iaitu daging salad atau lebih dikenali dengan nama bakkwa.

Memandangkan kebanyakkan bakkwa yang lebih popular dalam kalangan masyarakat Cina itu adalah tidak halal, pelajar jurusan Diploma Pemasaran itu memulau bagusnya yang berketurunan Cina untuk membuat sendiri produk berkenaan menggunakan bahan yang halal.

"Pada mulanya, saya ternampak saudara mara bapa yang pernah makan makanan itu membolehkan saya terliur. Bagi memenuhi keinginan saya, bapa menyediakan resipi daripada keluarganya untuk menghasilkannya sendiri bakkwa halal menggunakan daging ayam,

Produk makanan yang dijual di kiosk perniagaan Project Bonano Cheese

keluarga akhirnya membuat keportrasan untuk menjual produk ayam salai yang dikenali dengan nama Ayam Salai Bakkwa Halal sejak Februari tahun lalu," katanya.

Produk makanan yang dijual di kiosk perniagaan Project Bonano Cheese

Usahawan Muda VARSITI 7

Videographer sanggup 'tebal muka' dekati lelaki tak dikenali di Bukit Bintang, aksi 10 minit je... hasil video, wow luar biasa!



Urban, Versatil.

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Mungkin itulah peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan usaha seorang juruvideo muda yang sanggup menebakkan muka dalam berkarya.

Menerusi satu rakaman yang kini tular, Muhammad Shaffuan Mustafa, 20, mendekati seorang lelaki tidak dikenali di Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada Jumaat sebelum menempelawanya untuk menjadi subjek dalam video miliknya.

ARTIKEL BERKAITAN: [Mendekati seorang lelaki tidak dikenali di Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada Jumaat sebelum menempelawanya untuk menjadi subjek dalam video miliknya.](#)

ARTIKEL BERKAITAN: [Mendekati seorang lelaki tidak dikenali di Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada Jumaat sebelum menempelawanya untuk menjadi subjek dalam video miliknya.](#)

Bercerita kepada mStar, dia yang mesra disapa Shaffuan memperincikan proses rakaman yang berlangsung secara spontan itu sehingga ia kini meraih ratusan ribu tontonan di media sosial.

"Saya dapat inspirasi dari video TikTok luar negara. Pada saya, kalau orang luar boleh buat, kenapa kita tak boleh?"

"Ini kali pertama saya approach orang tak dikenali untuk buat video di tempat terbuka. Saya plan dalam pukul 5 petang, tapi hujan turun.



Shaffuan bersama Mira Filzah sewaktu sesi penggambaran video Baby Sayang.

Kata Shaffuan lagi, segala ilmu dan kemahiran dalam penghasilan video dipelajarinya sendiri menerusi YouTube sahaja. Dalam pada itu, penuntut bidang Kejuruteraan Mekanikal itu juga pernah terlibat dalam penghasilan video untuk selebriti tempatan.

Antaranya lagu Sakir (Zynakal dan Yonnyboil), BAL (Caprice, MK, Tuju dan Zynakal) serta Baby Sayang (Caprice dan Mira Filzah).



Shaffuan merupakan penuntut Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor.

Pada itu, video Shaffuan yang dirakam di Bukit Bintang itu terus dihujani dengan pelbagai komen di Twitter.




Baginda menitikkan bahawa sukan woodball memberikan intipati yang positif kepada para individu khususnya kepada pelajar di mana seseorang pemain akan diajar dan dilatih mengenali teknik dan bagaimana untuk lebih fokus mencapai kemenangan. Justeru, secara tidak langsung ia membantu pelajar untuk mengenali kelemahan, belajar mengatasi dan memperbaiki serta terus fokus terutamanya dalam pengajian masing-masing.

Tambah Tuanku Syed Faizuddin Putra, woodball juga ialah sebagai 'terapi' bagi menenangkan diri dan merengatkan kecerdasan minda serta tubuh badan serta dengan melakukan aktiviti fizikal atau riadah bersama-sama rakan, kakitangan dan keluarga seperti permainan woodball yang semestinya melibatkan pergerakan badan, hayunan tangan dan berjalan ini membantu melancarkan lagi peredaran darah, meredakan stres, megeratkan integrasi sosial serta membudayakan kehidupan sihat melalui sukan.




Terdahulu turut diadakan di dalam kampus PTSS ialah aktiviti gotong royong membersihkan kawasan bersempena 'World Cleanup Day 2020' melibatkan lebih 1000 orang pelajar dan tenaga kerja PTSS bagi memahut titah saranan Tuanku Raja Muda supaya 'Rakyat Perlis Hidup Bersih'.



[Photos] This Wedding Dress Made Guests Truly...

[Pics] Couple Thought They Are Having A Baby. Husband...

Hakcipta Terpelihara © 2020. Star Media Group Berhad (108940)



Gate Woodball pertama di dunia di atas tasik

'Gate Woodball Pertama Di Dunia Di Atas Tasik' menjadi tarikan baru paling menarik di kalangan para pemain woodball yang mencuba bermain di laman woodball yang baru dibuka kepada orang ramai di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Pauh Putra Perlis.

Demikian dimaklumkan oleh Pengarah PTSS Perlis, Abdul Malek Hassan di majlis perasmian 'Laman Woodball Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Perlis' yang

disempurnakan oleh Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada petang semalam.



Keberangkatan tiba baginda yang juga merangkap Tuanku Penaung Diraja Persatuan Woodball Negeri Perlis (PWNPs) disambut oleh Abdul Malek dan Timbalan Presiden PWNPs, Zaharin Haris.

Hadir sama ialah Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSSAAS) Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail yang juga adalah merupakan seorang bekas Pengarah PTSS sebelum ini, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Hj Izmi Ismail dan Pengarah Pendidikan Negeri Perlis, Naharudeen Othman.

SEKALUNG PENGHARGAAN

RAKAN INDUSTRI PROGRAM BFM



Radibems
Radibems Sdn. Bhd. (639095-W)
(A Member of Radicare Group)

RADIBEMS SDN. BHD.



ISTANA ARAU.



MALAYSIAN ASSOCIATION OF FACILITY



SERVICE MASTER (M) SDN BHD



A member of UEM Group

MANAGEMENT UEM EDGENTA BERHAD



AMBANG WIRA SDN BHD



GFM SERVICES BERHAD



UTUSAN TEGUH SDN BHD



BMES MAINTENANCE SERVICES
SDN BHD



ADVANCE PACT SDN BHD



CHULIA FACILITIES MANAGEMENT
SDN BHD



BRAHIM'S SAT FOOD SERVICES
SDN BHD



URUSAN TEKNOLOGI WAWASAN
SDN BHD



WANGSA ULTIMA SDN BHD



MASTER BUILDERS ASSOCIATION
MALAYSIA



TRANS FACILITIES MANAGEMENT
SDN BHD



TMR URUSHARTA (M) SDN BHD



PRO FM SOLUTIONS SDN BHD



JABATAN BOMBA MALAYSIA



INSTITUT KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



FURNITURE INDUSTRY
TECHNOLOGY CENTER



MALYSIAN FURNITURE COUNCIL



CYBER SECURITY MALAYSIA



PSA... PASSIONATE, SYNERGISE, AGILE

JANUARI - JUN 2020

TINTA PREMIER

EDISI 1/2020

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

PERSIARAN USAHAWAN, SEKSYEN U1
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : +603-5163 4000

Fax : +603-5569 1903

Website : www.psa.edu.my